

BAB 3

KASIH SAYANG

3.1 Pengenalan

Karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* diklasifikasikan mengikut tema kehidupan masyarakat berkenaan. Terdapat dua jenis tema utama iaitu *akam* dan *puram*. Kedua-dua tema ini memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Tamil. Karya-karya kesusasteraan *akam* memaparkan unsur-unsur dalaman diri manakala karya-karya *puram* pula membincangkan unsur-unsur luaran diri manusia.

Karya-karya kesusasteraan *akam* dibahagikan pada dua bahagian, iaitu, kehidupan '*kalavu*' dan '*karpu*'. Kehidupan *kalavu* membincangkan alam percintaan (sebelum perkahwinan) manakala kehidupan *karpu* membincangkan alam rumah tangga (selepas perkahwinan). Kehidupan *kalavu* dan *karpu* membentuk sebagai satu bulatan yang sempurna. Secara umumnya, manusia mengharungi kedua-dua jenis kehidupan ini.

Karya-karya kesusasteraan sesuatu masyarakat merupakan bahan bukti yang mencerminkan corak kehidupan masyarakat berkenaan. Karya-karya kesusasteraan ini dihasilkan daripada peristiwa dan perlakuan yang berlaku dalam masyarakat berkenaan. Maka, hasil kesusasteraan adalah identiti utama masyarakat itu. Masyarakat umum dapat mengenali dan memahami sesuatu kaum melalui hasil karya kesusasteraan kaum berkenaan. Oleh sebab itulah, karya kesusasteraan dikenali sebagai pantulan hidup manusia.

Pada hakikatnya setiap pergerakan dan perlakuan dalam sesuatu masyarakat digambarkan secara terperinci dalam karya kesusasteraan. Maka, antologi *Agananuru* sebagai karya unggul turut membincangkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Tamil. Kehidupan *kalavu* dan *karpu* dibincangkan secara meluas dalam antologi ini.

Perincian karya-karya bercorak *akam* adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Perincian Karya-karya Kesusasteraan Akam

Bil	Jenis Kehidupan	Perincian
1	<i>Kalavu</i>	Membincangkan alam percintaan pasangan kekasih. Alam <i>kalavu</i> penting bagi menjalinkan dan memperkukuhkan perhubungan pasangan kekasih.
2	<i>Karpu</i>	Membincangkan alam rumah tangga yang mengaitkan perlakuan luaran seperti mencari kekayaan dan membina rumah tangga. Alam ini menjamin pembentukan kumpulan masyarakat.

Teori *Tholkaapiyam* menyatakan bahawa, kehidupan *kalavu* dan *karpu* adalah merupakan dua jenis unsur yang asas dalam kehidupan manusia. Kedua-dua unsur ini memenuhi keseluruhan kehidupan manusia. Kasih sayang yang suci dan setia menghasilkan percintaan (*kalavu*). Percintaan sejati dan kesetiaan menjadi asas bagi alam rumah tangga (*karpu*). Alam rumah tangga yang bahagia dan aman adalah asas bagi kehidupan manusia. Kenyataan ini dibentangkan dalam teori *Tholkaapiyam* seperti berikut :

இன்பமும் பொருளும் அறனும் என்றாங்கு
அன்பொடு புணர்ந்த ஐந்தினை மருங்கின்
காமக் கூட்டங் காணுங் காலை

(*Tholkaapiyam, Porulatikaaram, Kalaviyal:1*)

*inbamum porulum aranum yendraangu
anpodu punarntu aintinai marunggin
kaama kooddang kaanung kaalai*

- *kegembiraan, kekayaan, kebaktian dan kasih sayang merupakan asas kehidupan aman*

Puisi ini menyatakan bahawa percintaan yang berdasarkan pada kegembiraan, kekayaan dan jasa (*inbamum porulum aranum yendraangu anpodu punarnta*) adalah penting kepada kehidupan yang bahagia dan aman. Maka dirumuskan bahawa, kehidupan masyarakat Tamil secara umumnya berdasarkan teori *Tholkaapiyam*.

3.2 Kasih Sayang

Kasih sayang adalah suatu perasaan universal dan perasaan ini menyelubungi keseluruhan kehidupan manusia dan juga haiwan. Manusia dan haiwan memiliki perasaan kasih sayang dalam menjalinkan perhubungan sesamanya. Perasaan kasih sayang mengeratkan perhubungan di antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam fauna dan juga manusia dengan alam flora.

Kamus *The English Dictionary (Word Power Dictionary: Reader's Digest, 2003)* memberikan pengertian tentang perasaan kasih sayang.

Love : to have warm affection for or devotion to, iaitu, kasih sayang merupakan ketaatan ataupun kebaktian yang mengharukan hati.

Manakala, *The Oxford Dictionary (Oxford Student's Dictionary of Current English, 1989)* mentafsirkan perasaan kasih sayang seperti berikut:

Love : a very strong, pleasant feeling about a person, iaitu, perasaan kasih sayang merupakan perasaan gembira dan suka terhadap seseorang.

Kesimpulannya, kasih sayang merupakan perasaan yang wujud dalam diri manusia dan perasaan ini menjadi asas bagi menjalinkan perhubungan sesama manusia, haiwan serta tumbuhan. Kasih sayang yang suci dan setia tidak mementingkan tarikan seksual, umur, pekerjaan dan status seseorang. Ianya juga tidak akan mengharapkan sesuatu pulangan ataupun balasan. Kelebihan alam percintaan dibincangkan dalam teori *Tholkaapiyam* seperti berikut:

வேட்கை ஒருதலை உள்ளுதல் மெலிதல்
ஆக்கஞ் செயல் நாணுவரை இறத்தல்
நோக்குவ எல்லாம் அவையே போறல்
மறத்தல் மயக்கம் சாக்காடு என்றிச்
சிறப்புடை மரபினவை களவென மொழிப

(*Tholkaapiyam, Porulatikaaram, Kalaviyal:9*)

*vhedkai orutalai ullutal melital
aakkanj seppal naanuvarei irattal
nhokkuva yellaam avaiyeh phoral
marattal mayakkam saakkaadu yendri
sirappudai marapinavai kalavena molipa*

- *keinginan untuk memiliki pasangan, lalu sentiasa memikirkan tentang pasangan sekiranya gagal tidak berselera makan dan minum serta tidur, maka menjadi susut badan, serta asyik bercakap tentang pasangan dan akhirnya menghempuskan nafas terakhir demi percintaan*

Menurut puisi ini, pasangan setia yang mengharungi alam percintaan akan menghadapi pengalaman seperti di atas ini. Seseorang itu yang mempunyai keinginan untuk memiliki pasangan akan sentiasa mengingatkan tentang kekasihnya. Jika, cintanya gagal maka pasangan ini akan menghindarkan makanan, minuman dan juga tidur. Situasi ini akan menyebabkan susut badan serta jatuh sakit. Akhirnya, pasangan setia ini akan meninggal dunia. Kelebihan percintaan yang setia ialah, ia tidak akan mementingkan keperluan diri sendiri. Ia hanya mementingkan kesetiaan dan pentayuan pasangan hidup.

Pada hakikatnya, perasaan kasih sayang mempengaruhi manusia dan juga haiwan. Manusia dan haiwan seringkali terlibat dalam perlakuan kasih sayang. Perasaan kasih sayang


menjalinkan perhubungan sesama manusia dan sesama haiwan. Perasaan ini juga memberikan pengertian yang mendalam terhadap pembentukan corak kehidupan manusia dan haiwan di dunia ini.

Alam flora dan fauna turut dijadikan sebagai perantara bagi pasangan manusia untuk berkongsi perasaan kasih sayang. Para pujangga menjadikan keindahan alam flora dan alam fauna sebagai unsur asas untuk mengindahkannya karya-karya kesusasteraan. Pada umumnya, antologi *Akananuru* secara meluas membincangkan perasaan kasih sayang manusia dan haiwan serta tumbuhan. Keindahan alam semulajadi dijadikan sebagai elemen asas bagi menonjolkan tema kasih sayang.

Sistem keluarga dan sosio-budaya masyarakat Tamil dipengaruhi oleh perasaan kasih sayang. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan budaya hidup berkumpulan. Perhubungan antara ahli kumpulan diperkukuhkan oleh perasaan kasih sayang. Perasaan kasih sayang mempengaruhi hampir kesemua aktiviti harian mereka. Perlakuan penyembahan, amalan kebudayaan dan aktiviti harian mereka berdasarkan pada perasaan kasih sayang. Antologi *Akananuru* membentangkan pelbagai maklumat tentang perasaan kasih sayang yang terdapat dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Di samping itu perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan haiwan juga dipaparkan dalam antologi ini. Masyarakat Tamil zaman *cangam* memberikan keutamaan kepada alam fauna yang telah menjadi rakan hidup mereka. Pada dasarnya, perasaan kasih sayang dikategorikan kepada beberapa jenis. Perincian kategori adalah seperti berikut:

Jadual 3.2: Jenis-jenis Kasih Sayang



Kasih sayang sesama manusia melibatkan perhubungan antara manusia. Kasih sayang yang dicurahkan terhadap ahli keluarga, pasangan hidup, saudara mara, rakan dan orang kenalan diklasifikasikan sebagai kasih sayang sesama manusia. Manakala, kasih sayang sesama haiwan pula dikategorikan sebagai pencurahan kasih sayang antara haiwan. Kasih sayang terhadap tumbuhan dan alam pula melibatkan perasaan keperihatinan manusia terhadap tumbuhan dan elemen-elemen alam. Seterusnya, kasih sayang terhadap haiwan pula merupakan perasaan kasih sayang manusia terhadap haiwan.

Kesemua jenis perasaan kasih sayang ini diperlukan untuk membina kehidupan yang ideal di dunia. Perasaan kasih sayang menjamin nilai serta potensi kehidupan manusia dan juga haiwan. Memandangkan kepentingan dan keperluan perasaan kasih sayang, maka karya-karya kesusasteraan Tamil klasik membincangkan perasaan kasih sayang secara mendalam.

3.2.1 Kasih Sayang Pasangan Kekasih

Masyarakat manusia amat terikat dengan perasaan kasih sayang. Perasaan ini mempengaruhi setiap perlakuan dan pergerakan manusia. Secara umumnya, perasaan ini


mempengaruhi minda dan emosi manusia. Perhubungan di antara manusia menjadi lebih rapat dengan wujudnya perasaan ini.

Di samping itu, manusia sering kali mencapai kejayaan dengan dorongan dan bantuan orang lain. Bantuan dan dorongan ini diperoleh dengan adanya perasaan kasih sayang. Perasaan kasih sayang memberikan pengertian dan penghayatan kepada manusia terhadap hidupnya. Nilai-nilai kehidupan seperti persefahaman, berkerjasama, bertoleransi, memberi sokongan dan menghulurkan bantuan diwujudkan melalui perasaan kasih sayang.

Sekiranya, tidak ada perasaan kasih sayang, maka nilai-nilai ini tidak akan wujud dalam sanubari manusia.

Secara umumnya, perasaan kasih sayang sesama manusia dibahagikan pada empat kategori yang utama.

Jadual 3.3: Kasih Sayang Sesama Manusia



Kasih sayang sesama pasangan kekasih, ahli keluarga, saudara-mara, kawan dan kenalan membawa pengertian yang mendalam terhadap kehidupan manusia sejagat. Kasih sayang yang suci membawa perhubungan yang erat sesama manusia. Kasih sayang antara pasangan kekasih pula menghasilkan alam percintaan yang merupakan perasaan keinginan yang

mendalam terhadap seseorang. Pada lazimnya, kasih sayang jenis ini akan membentuk sebuah keluarga yang ideal, seterusnya menghasilkan kumpulan masyarakat.

Hampir kesemua puisi dalam antologi *Akananuru* membincangkan keempat-empat kategori kasih sayang ini. Walau bagaimanapun, perincian terhadap kasih sayang sesama manusia diberikan keutamaan. Perhubungan manusia dijalinkan secara erat melalui perasaan kasih sayang. Beberapa elemen menjamin kewujudan perasaan kasih sayang antara manusia. Tarikan antara berlainan jantina, persefahaman, agama, bangsa, status kehidupan dan kerjaya menjadi asas bagi perasaan kasih sayang.

Para pujangga antologi *Akananuru* memaparkan setiap sudut perlakuan perasaan kasih sayang yang berlaku dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pengalaman peribadi, penguasaan bahasa, ketaatan terhadap masyarakat dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masyarakat setempat menjadi asas untuk menghasilkan puisi-puisi percintaan. Melalui puisi-puisi ini para pujangga mengungkapkan kata-kata dorongan dan sokongan moral untuk menghadapi cabaran hidup.

Perlakuan kasih sayang antara pasangan kekasih dipaparkan secara meluas dalam antologi *Akananuru*. Ketabahan dan kekuatan mental menjadi senjata utama bagi wirawati untuk meneruskan hidup apabila ditinggalkan oleh kekasih. Kasih sayang antara sepasang kekasih yang ideal digambarkan oleh pujangga *Atiyan Vinnattanaar* dalam puisi yang berikut:

வறன் உறு செய்யின் வாடுபு வருந்தி
படர்மிகப் பிரிந்தோர் உள்ளுறு நினைதல்
சிறுநனி ஆன்றிகம் என்றி.....

(*Akananuru*,301:1-3)

*varan uru seiyin vaadupu varunti
padarmiga pirintor ullupu ninaital
sirunani aandrigam yendri.....*

- *kehidupan tanpa pasangan bagaikan tanah gersang keceriaan tidak wujud dalam kehidupan seharian*

Pujangga mengandaikan perpisahan antara kekasih adalah bagaikan kegersangan alam. Alam semulajadi hilang kesuburan disebabkan oleh cuaca panas dan ketiadaan air hujan. Ia menjadikan alam sebagai tanah gersang. Keadaan yang sama berlaku pada pasangan kekasih sekiranya mereka kehilangan pasangan hidup.

Puisi ini menggambarkan kepentingan dan keperluan pasangan hidup dalam kehidupan manusia. Kehidupan manusia kehilangan keceriaan tanpa pasangan hidup. Perasaan kasih sayang menjadi akar umbi bagi memperkukuhkan perhubungan antara pasangan kekasih. Keindahan alam flora dan alam fauna memberi amanat dan menjadi teman setia sewaktu kekasih berjauhan daripadanya.

Perpisahan bagi jangka waktu panjang menyebabkan kegelisahan dan kebimbangan dalam jiwa wirawati. Maka, wirawati risau mengenangkan masa depan dia dan pasangan kekasihnya.

Perasaan kasih sayang antara pasangan kekasih diperkukuhkan dengan pengalaman perpisahan. Walaupun perpisahan ini berlaku untuk sementara waktu tetapi kesannya adalah mendalam. Perpisahan ini mengakibatkan kesedihan hati yang keterlaluan. Kebanyakan puisi dalam antologi *Akananuru* membincangkan peristiwa yang berkaitan dengan pertemuan dan perpisahan pasangan kekasih. Hampir keseluruhan antologi ini memaparkan perasaan kasih sayang antara pasangan kekasih.

Maklumat yang berkaitan dengan amalan kehidupan harian dan unsur-unsur kebudayaan turut dipaparkan bersama dengan perlakuan percintaan pasangan kekasih. Perhubungan pasangan kekasih diperincikan melalui perasaan-perasaan seperti gembira, sedih, kecewa dan marah yang dihadapi oleh mereka. Perlakuan dan peristiwa yang berkaitan dengan alam percintaan menyelembungi keseluruhan antologi *Akananuru*.

Pada lazimnya, seseorang yang berada dalam keadaan sedih dan risau hati akan menghadapi kesukaran untuk tidur dengan lena. Mereka bersendirian mengenangkan nasib malang yang dihadapinya. Situasi yang dihadapi oleh pasangan kekasih adalah sama seperti ini. Pasangan kekasih tidak dapat tidur dengan lena kerana menghadapi kesedihan yang disebabkan oleh perpisahan pasangan.

Pertemuan dan perpisahan memberikan kesan yang mendalam terhadap alam percintaan pasangan kekasih. Pertemuan membawa kegembiraan dan perpisahan mengakibatkan kesedihan. Dalam kedua-dua situasi ini perasaan hati memainkan peranan yang penting.

Kesemua situasi ini diperincikan secara mendalam oleh para pujangga. Mereka amat peka terhadap perasaan dan perwatakan pasangan kekasih. Para pujangga menerapkan situasi pasangan kekasih dalam karya-karya mereka. Kebanyakan puisi dalam antologi *Akananuru* membincangkan perasaan kasih sayang dan perpisahan pasangan kekasih. Perpisahan antara pasangan kekasih adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama.

Jadual 3.4: Faktor-faktor Perpisahan Pasangan Kekasih

Bil.	Faktor Perpisahan	Puisi-puisi Antologi <i>Akananuru</i>		
		<i>Kalidruyaanai Nirai</i>	<i>Manimidai Pavalam</i>	<i>Nittila Kovai</i>
1	Perniagaan dan pekerjaan	1, 4, 13, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 32, 40, 41, 61, 67, 69, 71, 73, 79, 83, 85, 91, 93, 103, 111	181, 184, 187, 191, 205, 209, 231, 239, 247, 255, 265, 267, 277, 279, 291, 297	305, 311, 313, 317, 325, 343, 349, 351, 357, 359, 361, 365, 371, 373, 381
2	Perang dan urusan kerajaan	24, 44, 54, 57, 64, 74, 84, 104, 119	194, 204, 214, 244, 251, 254, 264, 284	304, 334, 354, 364, 374, 384
3	Mencari gundik ataupun perempuan simpanan	6, 16, 26, 36, 46, 56, 66, 96,	186, 196, 206, 226, 246, 256, 266	306, 316, 326, 356, 366, 386
4	Belajar dan mencari ilmu	-	125	-
5	Lain-lain faktor	9, 11, 14, 17, 31, 34, 37, 42, 45, 47, 50, 59, 78, 87, 94, 97, 101, 109, 113, 114, 115	177, 183, 185, 197, 201, 210, 211, 213, 223, 224, 227, 229, 233, 234, 235, 236, 237, 241, 243, 253, 269, 271, 273, 274, 281, 287, 289, 294, 295, 299	301, 302, 309, 323, 324, 329, 331, 333, 341, 344, 345, 347, 363, 367, 375

Kesemua faktor ini memainkan peranan penting dalam situasi perpisahan pasangan kekasih. Pada lazimnya, perpisahan sementara waktu mengeratkan lagi perhubungan antara pasangan kekasih. Perasaan mesra diperkukuhkan melalui perpisahan sementara waktu. Perasaan kasih sayang yang suci dan setia menyatukan semula pasangan berkenaan. Walau bagaimanapun, perpisahan sementara waktu tetap membawa penderitaan dan keperitan kepada kedua-dua pasangan kekasih. Situasi ini melukai hati dan minda pasangan kekasih yang terlibat.

Faktor-faktor perpisahan antara pasangan kekasih diperincikan dalam teori *Tholkaapiyam*.

Teori ini menyarankan tiga faktor utama yang menyebabkan perpisahan.

ஓதல் பகையே தூதுஇவை பிரிவே
அவற்றுள்
ஓதலும் தூதும் உயர்ந்தோர் மேன
தானே சேறலும் தன்னோடு சிவணி
ஏனோர் சேறலும் வேந்தன் மேற்றே
மேவிய சிறப்பின் ஏனோர் படிமைய
முல்லை முதலாச் சொல்லிய முறையாற்
பிழைத்தது பிழையா தாகல் வேண்டியும்
இழைத்த ஒன்பொருள் முடியவும் பிரிவே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Akattinaiyiyal:27-30, 6SM*)

*ohtal pagaiyeh tootu ivai pirivhe
avadrul
ohtalum tootum uyarnthor mhene
taaneh sheralum tannodu sivani
yehnor sheralum vhentan mherreh
mheviya sirappin yehor padimaiya
mullai mutalaah solliya muraiyaar
pilaitatu pilaiyaa taagal vhendiyum
ilaitta onporul mudiyavum pirivhe*

- *pasangan kekasih berpisah kerana mencari ilmu, urusan perang dan urusan kerajaan iaitu membawa mesej, manakala mencari ilmu dan perang dilakukan oleh golongan pentadbir mencari kekayaan adalah urusan peribadi, di samping itu berlaku juga perpisahan atas sebab upacara keagamaan*

Menurut puisi ini perpisahan berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti mencari ilmu (*ohtal*), perang (*pagai*), faktor kerajaan iaitu membawa mesej (*tootu*) dan faktor perniagaan (*onporul*).

Di samping itu berlaku juga perpisahan demi aktiviti keagamaan seperti penyembahan dan perayaan. Faktor pencarian ilmu, perniagaan dan keagamaan merupakan urusan peribadi manakala perang dan membawa mesej pula merupakan urusan kerajaan.

Faktor-faktor ini merupakan cabaran yang besar bagi alam percintaan pasangan kekasih. Ia menyebabkan perpisahan sementara waktu antara pasangan kekasih. Walaupun begitu, penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih adalah tidak terhingga. Semasa perpisahan ini pasangan kekasih menghadapi tekanan emosi yang keterlaluan. Dalam situasi seperti ini pasangan kekasih diiringi oleh teman setia. Teman setia wira dikenali sebagai *tholan* manakala teman setia wirawati pula digelar sebagai *tholi*. Teman setia (*tholan* dan *tholi*) pasangan kekasih saling menghadapi kedukaan hati terhadap perpisahan wira dan wirawati. Ini menunjukkan taat setia mereka terhadap wira dan wirawati. Teman setia ini menemani serta memberikan cadangan dan idea yang bernas bagi mengharungi penderitaan yang disebabkan oleh perpisahan. *Tholan* dan *tholi* memainkan peranan sebagai kaunselor bagi pasangan kekasih yang hilang harapan.

Kepentingan dan keperluan *tholan*, *tholi* dibincangkan dalam teori *Tholkaapiyam*.

தோழி தானே செவிலி மகளை
சூழ்தலும் உசாத்துணை நிலைமையிற் பொலிமே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Kalaviyal:35-36, 6SM*)

tholi taneh sevili magaleh
sooltalum usaattunai nilamaiyir polimeh

- *lazimnya, tholi adalah anak kepada ibu angkat wirawati*
tholi sentiasa berada di samping dengan wirawati

Puisi ini menyatakan kepentingan, keperluan dan kewibawaan *tholan*, *tholi*. Lazimnya, *tholi* merupakan anak kepada ibu angkat wirawati. Mereka sentiasa menjaga kepentingan dan keperluan pasangan kekasih.

Perpisahan antara pasangan kekasih berlaku disebabkan oleh pencarian ilmu (*ohtal*). Kekadang wira berhasrat untuk mencari ilmu dan kemahiran dalam sesuatu bidang, oleh yang demikian wira terpaksa merantau ke luar negeri. Dalam situasi sebegini perpisahan

berlaku antara pasangan kekasih. Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa peristiwa tentang perpisahan jenis ini.

கைதொழு மரபின் கடவுள் சான்ற
செய்வினை மருங்கிற் சென்றோர் வல்வரின்

(*Akananuru*,125:14-15)

*kaitolu marapin kadavul saandra
seivinai marungkir sendror valvarin*

- *ilmu disanjung tinggi
pencariannya bermula dari perpisahan*

Pujangga *Paranar* menyampaikan beberapa maklumat melalui puisi ini. Iaitu :

- Berlaku perpisahan antara pasangan kekasih (*marungir sendror*)
- Perpisahan ini disebabkan oleh usaha mencari ilmu (*seivinai*)
- Ilmu merupakan sesuatu yang amat bernilai (*kaitolu marapin kadavul saandra*)

Usaha mencari dan memperoleh ilmu merupakan suatu perbuatan yang mulia dan perbuatan ini disanjung oleh masyarakat sejagat. Manusia berilmu menjadi panduan dan rujukan masyarakat umum. Pujangga *Paranar* menyatakan bahawa ilmu yang dimiliki oleh seseorang disanjung bagaikan Tuhan (*kaitolu marapin kadavul saandra*). Oleh yang demikian, masyarakat Tamil zaman *cangam* sedia menghadapi sebarang cabaran dan halangan dalam usaha pencarian ilmu.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* menghormati dan menghargai percintaan yang suci. Percintaan antara pasangan kekasih merupakan batu loncatan bagi mewujudkan kumpulan masyarakat yang baru. Mereka melangkah ke alam perkahwinan dengan membina rumah tangga.

Kekadang usaha mereka dihalang atau tidak diestui oleh ibu-bapa, saudara mara dan masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, pasangan ini bertekad untuk meninggalkan

kampung dan pergi ke tempat yang lain. Dalam usaha mengharungi alam percintaan keadaan seperti ini merupakan sesuatu yang lumrah.

Pasangan kekasih mengambil tindakan strategik untuk mengatasi halangan dan cabaran ini. Seringkali, pasangan kekasih bertindak untuk pergi ke tempat lain dan membina kehidupan baru. Wirawati sanggup merantau bersama dengan kekasih untuk membina kehidupan baru iaitu mendirikan rumah tangga. Beliau sanggup mengorbankan kasih sayang keluarga, saudara mara, kawan-kawan dan masyarakat tempatan demi percintaan yang suci.

Kesetiaan pasangan kekasih terhadap percintaan amat dikagumi oleh para pujangga. Kesetiaan terhadap percintaan memberi peluang untuk membina rumah tangga. Perbuatan mengikuti pasangan, biasanya wirawati mengikuti wira, dianggap sebagai suatu tindakan yang ideal untuk mengatasi cabaran alam percintaan. Perbuatan ini digelar sebagai *udanpokku* dalam bahasa Tamil. Teori *Tholkaapiyam* turut membincangkan perbuatan ini.

கொடுப்போர் இன்றியும் கரணம் உண்டே
புணர்ந்துடன் போகிய காலையானை

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Karpiyal:2, 10SM*)

*koduphor indriyum karanam undeh
punarntudan pogiya kaalai yaanai*

- *walaupun pasangan kekasih pergi ke tempat lain mereka perlu mengadakan upacara perkahwinan*

Banyak peristiwa yang berkaitan dengan amalan *udanpokku* dipaparkan dalam karya-karya kesusasteraan Tamil klasik. Antologi *Akananuru* memaparkan banyak peristiwa tentang perbuatan *udanpokku*.

Jadual 3.5: Puisi-puisi Udanpokku Dalam Antologi Akananuru

Bil.	Tajuk Puisi	No. Puisi
1	<i>Aaduvai Agalen!</i>	49
2	<i>Aditta Kai Allivataaga!</i>	145
3	<i>Arumagale Yena Alume!</i>	165
4	<i>Kaanbaai Magale!</i>	369
5	<i>Kaappu Igantu Pogil!</i>	15
6	<i>Kandru Kaanaa Karavai!</i>	63
7	<i>Kannullavare Paarunggal!</i>	275
8	<i>Koditu! Koditu!</i>	385
9	<i>Maarbu Tunaiyaaga Tuyidrugala!</i>	35
10	<i>Mugaitalai Sirantha Venil!</i>	105
11	<i>Mugavai Undahlo!</i>	207
12	<i>Nadakkum Vallamai!</i>	257
13	<i>Nayavarum Kaanam!</i>	99
14	<i>Noccimanai Pendu!</i>	203
15	<i>Notagum Ullam Noga!</i>	153
16	<i>Oorum Ilantate!</i>	189
17	<i>Paiyapaiya Pasantandru!</i>	95
18	<i>Panmurai Taluvuvom!</i>	285
19	<i>Potal Sellaa Uyir!</i>	55
20	<i>Sekkuval Kollo!</i>	315
21	<i>Silambu Naga Sendranal!</i>	117
22	<i>Solluga Velane!</i>	195
23	<i>Talai Taalntanal!</i>	261
24	<i>Valai Kaan Pinai!</i>	7
25	<i>Vallunal Kollo!</i>	89
26	<i>Yaane Varuntuven!</i>	219
27	<i>Yaane Serppene!</i>	263
28	<i>Yaarai Perukuvai!</i>	383
29	<i>Yenna Seivaalo!</i>	321

(Sumber : Antologi Akananuru)

Terdapat 29 buah puisi yang membicarakan perlakuan *udanpokku* dalam antologi *Akananuru*. Para pujangga mengungkapkan perasaan dan penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih melalui puisi-puisi *udanpokku*.

Pujangga *Umadoorkilaar Maganaar Parangkodranaar* membicarakan perpisahan pasangan kekasih yang disebabkan oleh faktor mencari kekayaan. Wira ingin mencari kekayaan untuk membantu kepada orang yang memerlukannya. Perbuatan ini merupakan salah satu perlakuan yang mulia dan ia membawa kepuasan diri. Oleh yang demikian, wira sanggup berpisah dari kekasihnya untuk sementara waktu demi mencari kekayaan. Pada lazimnya, perpisahan jenis ini diterima oleh kedu-dua pihak pasangan kekasih.

Pujangga *Umadoorkilaar Maganaar Parangkodranaar* membincangkan perbuatan *udanpokku* secara terperinci dalam puisi berikut:

ஈதல் இன்பம் வெஃகி

(*Akananuru*,69:5)

eetal inbam vehgi

- *mencari kekayaan demi kepuasan hati*

Rangkaian kata *eetal inbam vehgi* merujuk kepada kepuasan hati yang diperoleh melalui perlakuan membantu dan memberi. Wira sudi menghadapi pelbagai halangan dan cabaran demi untuk menolong kepada orang lain. Oleh yang demikian, dia berpisah dari kekasihnya untuk sementara waktu.

Seorang wira pergi ke luar negeri demi menunaikan tanggungjawabnya terhadap ibu pertiwi iaitu ke medan perang. Selepas menewaskan musuh, kontinjen wira bersiap sedia untuk balik semula ke negeri asal. Wira merasa amat gembira dan tidak sabar pulang kepangkuan

kekasihnya. Ekspresi perasaan kegembiraan wira digambarkan oleh pujangga *Madurai Koottanaar* seperti berikut:

பொலிவன அமர்ந்த உண்கண்
ஒலிபல் கூந்தல் ஆய்சிறு நுதலே!

(*Akananuru, 334:16-17*)

*polivana amarntu unkan
olipal koontal aaisiru nutaleh!*

- *kecantikanmu diserikan dengan celak mata serta rambut panjang dan bersinar*

Wira berusaha untuk pulang ke pangkuan kekasih secepat mungkin kerana perpisahan ini membuatkan pasangan kekasih menghadapi penderitaan jiwa. Dalam situasi ini wira menenangkan hatinya dengan mengenangkan perwatakan kekasih. Kecantikan kekasih digambarkan melalui baris *polivana amarnta unkan* dan *olipal koontal aaisiru nootale*. Kedua-dua baris ini menyatakan bahawa kecantikan muka kekasih diserikan dengan rambut panjang dan mata yang beralaskan celak mata iaitu *kanmai*.

Dalam suasana yang berlainan pula, seorang wira merantau ke luar negeri demi mencari kekayaan bagi menyara keluarga. Pada masa yang sama beliau tidak berhasrat untuk berpisah dengan kekasih. Memandangkan perasaan kasih sayang yang mendalam terhadap kekasihnya, maka wira membatalkan rancangannya ke luar negeri. Perlakuan wira dipaparkan dalam puisi yang ke-355.

நீரினும் இனிய ஆகிக் கூர்எயிற்று
அமிழ்தம் ஊறும் செவ்வாய்

(*Akananuru, 335:24-25*)

*neerinum iniya aagi kooryeyidru
amiltam oorun sevvaai*

- *keenakan jus 'kamuga' tidak dapat dikatakan walaupun begitu, air liur mu lebih enak darinya*

Menurut puisi ini, jus yang diperoleh daripada buah 'kamuga' adalah manis dan enak. Jus ini sedap untuk diminum dan keenakannya tidak dapat digambarkan dengan kata-kata bahasa. Walaupun begitu, air liur kekasih pula adalah lebih manis dan enak daripada jus buah 'kamuga'. Pujangga memberikan gambaran simbolik tentang penghayatan perasaan kasih sayang melalui perbandingan ini. Keenakan jus dan hasil perolehan iaitu kekayaan dijadikan sebagai unsur simbolik. Kekayaan mendatangkan kegembiraan tetapi kegembiraan yang diperoleh melalui pertemuan pasangan adalah lebih bernilai dan bererti. Puisi ini membuktikan keutuhan dan penghayatan terhadap perasaan kasih sayang masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kasih sayang yang suci dan setia mengatasi segala-galanya serta berkekalan sepanjang masa.

Wira seorang diri merantau ke luar negeri atas urusan peribadi. Situasi ini menyebabkan penderitaan dan kesedihan yang tidak terhingga kepada pasangan kekasih. Wira sentiasa mengenangkan detik-detik manis ketika bersama dengan kekasihnya. Perpisahan dengan pasangan kekasih menyebabkan wirawati pula tidak dapat tidur lena pada waktu malam. Wirawati menanggis mengenangkan detik-detik bersama kekasihnya. Pada lazimnya, kesedihan yang keterlaluan akan menyebabkan kesukaran untuk tidur lena. Pasangan kekasih sering mengenangkan nasib malang yang dihadapi serta emosi mereka adalah tidak terkawal. Mereka sentiasa menitikkan air mata dan merasa putus asa.

Pujangga *Madurai Maruthankilaar Maganaar Perung Kannanaar* memaparkan perasaan kasih sayang sepasang kekasih. Seorang wira meninggalkan kekasih atas urusan perang. Dia pergi ke medan perang bersama dengan kontinjen negara. Dalam pertempuran ini pihak wira berjaya menewaskan musuh dan berita kemenangan ini disampaikan kepada wirawati. Walaupun begitu, pujangga berpendapat bahawa pasangan kekasih ini tewas dalam kehidupan.

Ini adalah kerana mereka gagal hidup bersama dan perpisahan sementara waktu ini merupakan suatu ketewasan bagi pasangan kekasih. *Vendri vedkaiyodu* bermaksud kemenangan yang dikecapi oleh kontinjen, sebaliknya mereka tidak sedar tentang penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih.

வென்றி வேட்கையோடு நம்மும் உள்ளார்
யாதுசெய் வாங்கொல்? தோழி – நோதகக்
கொலைகுறித் தன்ன மாலை
துனைதரு போழ்தின் நீத்தலோ அரிதே!

(*Akananuru, 364:11-14*)

*vendri vhedkaiyodu nammum ullaar
yaatusey vaangkol? Tholi – notaga
kolaikuri tanna maalai
tunaitaru poltin neettalo aritu!*

- *musuh dapat ditewaskan dan
kemenangan dikecapi
walaupun begitu pasangan kekasih gagal
dalam hidup, kerana
mereka tidak dapat hidup bersama
semasa perpisahan demi peperangan*

Pujangga *Madurai Maruthankilaar* berjaya membandingkan kemenangan pihak wira dan ketewasan pasangan kekasih. Kemenangan seorang raja disusuli dengan ketewasan seorang wira.

Seorang wirawati mengenangkan nasib malang yang dihadapi oleh kekasihnya. Wira ini merantau ke luar negeri demi mencari kekayaan. Wira ingin menolong kepada orang yang memerlukan bantuan. Oleh yang demikian, beliau sedia menghadapi pelbagai cabaran dan halangan untuk mencari kekayaan. Wira terpaksa mengharungi hutan tebal yang bahaya. Hutan ini penuh dengan pelbagai haiwan buas dan golongan perompak. Wira sedar dan peka tentang hal ini, walaupun begitu demi keinginan menolong dan kepuasa hati beliau sedia menghadapi keadaan ini.

ஆறுசெல் வம்பலர் வேறுபிரிந்து அலறக்
கொலைவெம் மையின் நிலையெயர்ந்து உறையும்
பெருங்கன்று தொலைச்சிய இருங்கேழ் ஏற்றை
செம்புல மருங்கிற் றன்கால் வாங்கி
வலம்படு வென்றியோடு சிலம்பகம் சிலம்பப்
படுமழை உருமின் முழங்கும்
நெடுமர மருங்கின் மலைஇறந் தோரே!

(Akananuru,389:18-24)

*aarusel vampalar verupirintu alara
kolaivem maiyin nilai peyarntu uraiyum
perungkaliru tolaiciya irunkel yedrai
sempula marungkir rankaal vaanggi
valampadu vendriyodu silambagam silamba
padumalai urumin mulangum
nedumara marungin malaiiran thore!*

- *demi keinginan menolong kepada orang lain
wira sedia mengharungi hutan tebal yang
penuh dengan pelbagai cabaran
hutan ini diduduki oleh
harimau yang berjaya menewaskan gajah besar
wirawati peka tentang hal ini, walaupun begitu
beliau tidak dapat menghalang wira*

Menurut pujangga *Nakkeeranaar*, wira melalui hutan tebal yang penuh dengan pelbagai ancaman dan bahaya. Hutan ini didiami oleh harimau ganas yang berjaya menewaskan gajah besar (*perung kaliru tolaicciya irunkel yeddrai*). Hal ini disedari oleh wirawati lalu dia merasa amat risau terhadap keselamatan kekasih. Wirawati mengenangkan penderitaan yang dihadapi oleh kekasih. Walau bagaimanapun, wirawati tidak terdaya untuk menghalang wira. Penderitaan dan kesedihan wirawati digambarkan secara simbolik melalui kekuatan seekor harimau ganas. Kekuatan dan keganasan harimau melambangkan bahaya dan cabaran yang dihadapi oleh wira. Kekasihnya perlu melalui hutan yang didiami oleh harimau ganas yang lebih kuat daripada gajah.

Dalam alam percintaan pasangan kekasih harus mempunyai kata sepakat agar tidak berlaku persengketaan. Jika sudah berumah tangga pasangan suami dan isteri perlu menjaga emosi masing-masing supaya dapat membina keluarga yang bahagia.

Cinta yang lahir dari hati yang suci akan membentuk keluarga bahagia dan aman. Kasih sayang sepasang kekasih dipaparkan oleh pujangga *Kabilar*. Lazimnya, perjumpaan antara pasangan kekasih berlaku pada waktu malam. Pada setiap kali perjumpaan wira berjanji untuk mengkahwinkan wirawati dan membina rumah tangga. Wirawati mempercayai kata-kata janji yang dibicarakan oleh kekasih. Pada suatu hari wirawati memaklumkan bahawa sekiranya wira mungkir janji maka dia akan menghembuskan nafas terakhir. Kenyataan ini dipaparkan dalam puisi yang ke-18.

ஒருநாள் விழுமம் உறினும், வழிநாள்
வாழ்குவள் அல்லள்.....

(*Akananuru, 18:9-10*)

*orunaal vilumam urinum, valinaal
vaalguval allal.....*

- *sekiranya janji tidak dikotakan, maka nafas akhir menantimu*

Perasaan kasih sayang seorang wirawati terhadap pasangan kekasih digambarkan secara terperinci dalam puisi ini. Rangkaian kata *oru naal vilumam urinum* menunjukkan pendirian wirawati terhadap percintaan. Beliau sedia menghempuskan nafas terakhir sekiranya percintaannya gagal dicapai.

Percintaan suci sepasang kekasih digambarkan melalui suasana perang. Gambaran unik ini dipaparkan dalam puisi yang ke-57, ia merupakan hasil nukilan pujangga *Nakkeeranaar*. Pujangga memaparkan penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih melalui penderitaan yang dihadapi oleh seorang wira. Di medan pertempuran, seorang askar yang gagah dan berani dari pasukan musuh ditumbang oleh wira. Askar yang terkena anak panah menderita disebabkan oleh kesakitan luka dan hati. Kesakitan ini tidak dapat dinilai dengan sesuatu alat pengukur. Ia bukan sahaja kegagalan askar berkenaan tetapi kegagalan itu merupakan kemerosotan pasukan berkenaan.

Pujangga *Nakkeeranaar* menyatakan bahawa penderitaan yang dihadapi oleh askar itu adalah sama dengan penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih yang tinggal keseorangan.

களிறுபட எருக்கிய கல்லென் ஞாட்பின்
அரும்புண் உறுநரின் வருந்தினள், பெரிதுஅறிந்து
பானாட் கங்குலும் பகலும்
ஆனாது அழுவோள் - ஆய்சிறு நுதலே!

(*Akananuru, 57:16-19*)

*kalirupada yerukkiya kallen yaadpin
arumpun urunarin varuntinal, peritu alintu
paanaad kangkulum pakalum
aanaatu aluvol – aaisiru nutale!*

- *di medan pertempuran
seorang askar ditumbangkan oleh wira
askar itu tumbang disebabkan terkena anak panah
kesakitan yang dihadapinya adalah tidak terhingga
seperti penderitaan yang dihadapi oleh
pasangan kekasih yang berpisah*

Penderitaan yang dihadapi oleh wirawati, turut mempengaruhi wira di medan pertempuran.

Maka, dalam situasi sebegini pasangan kekasih ini menghadapi penderitaan yang sama.

3.2.2 Kasih Sayang Antara Ibu, Bapa dan Anak

Ibu-bapa merupakan orang yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Mereka merupakan tunjang utama sesuatu keluarga. Anak-anaknya dicurahkan kasih sayang dan keperluan-keperluan yang lain. Ibu-bapa melakukan pengorbanan besar untuk membela, mendidik dan membesarkan anak-anak. Pada hakikatnya, ibu-bapa sentiasa memastikan agar anak-anaknya mendapat keperluan yang sewajarnya. Perasaan kasih sayang antara ibu-bapa dengan anak-anak merupakan sesuatu yang lumrah. Semua masyarakat di dunia ini terlibat dalam pencurahan perasaan kasih sayang.

Di samping itu, setiap orang harus berbakti dan mentaati ibu-bapa demi membalas budi mereka. Budi dan jasa yang dicurahkan oleh mereka adalah tidak ternilai dan terbatas. Ibu-bapa dan anak-anak merupakan unit asas dalam pembentukan sesuatu keluarga. Segala aktiviti sosial pula bermula daripada keluarga manusia. Perasaan dan perhubungan yang wujud antara ketiga-tiga pihak ini iaitu ibu, bapa dan anak merupakan elemen yang amat penting dalam pembentukan sesuatu masyarakat. Antologi *Akananuru* menyatakan banyak maklumat tentang kasih sayang antara ibu-bapa dan anak-anak.

Kasih sayang seorang ibu terhadap anak dianggap sesuatu yang murni dan kasih sayang ini tidak dapat dinilai dengan alat hitungan yang tertentu. Suatu peristiwa yang berlaku di tanah *Paalai* dimaklumkan oleh pujangga *Ammovanaar*. Ibu-bapa yang tinggal di kawasan *Paalai* menjaga dan mendidik anak perempuan menurut tatacara kebudayaan masyarakat Tamil. Segala kehendak dan keperluan anak ditunaikan oleh ahli keluarga. Anak kesayangan ini iaitu *wirawati* melamun cinta dengan seorang jejaka (*wira*).

Pada suatu hari, *wirawati* meninggalkan ibu-bapanya lalu pergi bersama dengan kekasih. Perbuatan ini dikenali sebagai *udanpokku* dalam kalangan masyarakat Tamil. *Wirawati* ini meninggalkan ibu-bapa (*eendru puran tanta*) dan meninggalkan ibu pertiwi yang telah mencurahkan baktinya (*vaantoi inji nannagar pulamba*). Beliau juga mengabaikan kehidupan selesa dan selamat yang dibekalkan oleh ibu-bapa. Saudara-mara, kawan-kawan dan masyarakat tempatan dilupakan demi percintaan. Ibu mengetahui perbuatan anak, lalu terasa amat sedih dengan perbuatan anaknya. Dia risau tentang jalan yang diharungi oleh anak bersama dengan kekasih. Lalan hutan adalah amat sukar dan penuh dengan pelbagai ancaman. Mereka perlu berjalan kaki menerusi hutan buluh dan kawasan bukit bukau. Perjalanan yang jauh ini penuh dengan ancaman perompak (*kurumpadai malava, munai*

tantu murambin veeltta). Oleh yang demikian ibu berdoa kepada Tuhan agar mengawal dan menyelamatkan pasangan kekasih itu.

Walau bagaimanapun, ibu berkenaan risau tentang keselamatan dan kesihatan anaknya. Beliau berdoa kepada Tuhan agar anaknya sentiasa selamat dan sihat. Serta mendapat kehidupan yang harmoni bersama dengan pasangannya. Kewujudan perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anak digambarkan melalui puisi berikut:

ஈன்று புறந்தந்து எம்மும உள்ளாள்
வாந்தோய் இஞ்சி நன்னகர் புலம்பத்
தனிமணி இரட்டும் தாளுடைக் கடிக்கை
நுழைநுதி நெடுவேல், குரும்படை மழவர்
முனைஆத் தந்து முரம்பின் வீழ்த்த

(*Akananuru,35: 1-5*)

*eendru purantantu emmun ullaal
vaantoi inji nannagar pulamba
tanimani iraddum taaludai kadikai
nulainuti neduvel, kurumpadai malavar
munai tantu murambin veeltta*

- *ibu yang melahirkan ditinggalkan
jasa ibu pertiwi diabaikan
keselesaan hidup diketepikan
wirawati pergi bersama jejaka pilihannya
didoa agar sentiasa sihat dan selamat*

Puisi ini menggambarkan perlakuan seorang anak perempuan, iaitu, wirawati yang dilamun cinta. Wirawati ini pergi bersama dengan kekasih meninggalkan ibu-bapa (*eendru puran tanta*), saudara-mara dan tempat kediaman yang indah. Ibu mengetahui perbuatan anak, lalu terasa amat sedih dengan perlakuan anaknya. Dia risau tentang jalan yang diharungi oleh anak bersama dengan kekasih. Laluan hutan adalah amat sukar dan penuh dengan pelbagai ancaman. Mereka perlu berjalan kaki menerusi hutan buluh dan kawasan bukit bukau. Perjalanan yang jauh ini penuh dengan ancaman perompak (*kurumpadai malava, munai tantu murambin veeltta*). Oleh yang demikian ibu berdoa kepada Tuhan agar mengawal dan menyelamatkan pasangan kekasih itu.

Puisi ini memberikan gambaran yang jelas tentang perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Walaupun anaknya melupai dan mengabaikan jasa ibu tetapi ibunya tetap mengenangkan anak. Beliau risau tentang keselamatan dan kesihatan anak serta mengenang detik-detik manis bersama anak.

Kisah percintaan sepasang kekasih yang setia dibincangkan oleh pujangga *Kayamanaar* dalam puisi yang ke-35.

பெண்ணையம் பேரியாற்று நுண்அறல்கடுக்கும்
நெறிஇருங் கதுப்பின் என் பேதைக்கு
அறியாத் தேஎத்து ஆற்றிய துணையே!

(*Akananuru, 35: 16-19*)

*pennayam periyaarru nunaralkadukkum
neri irung katuppin yen petaikku
ariyaat teyettu aadriya tunaiye!*

- *percintaan wirawati dengan seorang jejaka diketahui oleh keluarga, dan ahli keluarga tidak merestui perbuatan ini*

Wirawati melamun cinta dengan seorang jejaka, mereka sentiasa bertemu dan membincangkan masa depannya. Hal ini telah diketahui oleh ahli keluarga dan mereka tidak merestui perhubungan ini. Perhubungan pasangan kekasih ini tidak disenangi oleh saudara-mara dan masyarakat tempatan. Ahli keluarganya berusaha untuk mencari mempelai lelaki yang lebih sesuai bagi wirawati (*ariyaat teyettu aadriya tunaiye!*).

Puisi berikut ini, menggambarkan suasana kebuluran yang dihadapi oleh seekor gajah. Gajah berkelihatan lemah dan tidak bermaya disebabkan oleh kebuluran. Matanya kering dan kehilangan keceriaan disebabkan oleh penderitaan (*pasitta yaanai palanggan anna*). Ini merupakan gambaran simbolik bagi penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih.

Penderitaan yang dihadapi oleh pasangan kekasih adalah sama seperti penderitaan yang dihadapi oleh gajah yang kelaparan.

Ibu mengharapkan agar anak kesayangannya dapat membina kehidupan yang mesra bersama dengan pasangan kekasih. Ini membuktikan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.

பசித்த யானைப் பழங்கண் அன்ன
வறுஞ்சுனை முகந்த கோடைத் தெள்விளி
விசித்துவாங்கு பறையின் விடரகத்துஇயம்பக்
கதிர்க்கால் அம்பிணை உணர்இய புகல்ஏறு
குதிர்க்கால் இருப்பை வெண்பூ உண்ணாது

(*Akananuru,321:1-5*)

*pasitta yaanai palanggan anna
varunsunai muganta kodai telvili
visittuvaangu paraiyin vidaragattuiyamba
katirkaal ampinai uneeiya pugalyeru
kutirkkaal iruppai venpoo unnaatu*

- *gajah yang kelaparan
amat lemah dan tidak bermaya
matanya layu, ia bagaikan
kesengsaraan yang dihadapi oleh
pasangan kekasih*

Bagi merealisasikan cintanya terhadap kekasih, wirawati meninggalkan keluarga lalu pergi bersama dengan kekasih (*udanpokku*). Tindakan wirawati membuktikan kecintaan beliau terhadap kekasihnya.

Wirawati meninggalkan ibu-bapa, ahli keluarga, saudara-mara, masyarakat setempat, rumah, kampung dan juga negeri kesayangan demi cintanya terhadap kekasih. Perbuatan wirawati diketahui oleh ibu dan dia merasa amat sedih. Ibu mengharapkan keselamatan anak yang merentasi hutan tebal. Hutan yang penuh dengan pelbagai ancaman tidak menjamin keselamatan mereka. Pujangga *Kayamanaar* menggambarkan kesedihan dan kesengsaraan seorang ibu melalui puisi yang ke-383.

Wirawati sanggup meninggalkan ibu yang telah melahirkan dan membesarkannya (*tarpurantu yedutta yedrurantu ullaan*).

Kampung kelahiran dan negeri tumpah darahnya dilupakan demi percintaan (*oorum ceriyum oraanggu alar yela, kaadung kaanamum avanoodu tunintu*).

தற்புரந்து எடுத்த எற்றுறந்த உள்ளான்
ஊருஞ் சேரியும் ஓராங்கு அலர்எழக்
காடுங் கானமும் அவனோடு துணிந்து
நாடுந் தேயமும் நனிபல இறந்த

(*Akananuru,383:1-4*)

*tarpurantu yedutta yedrurantu ullaan
oorum ceriyum oraanggu alar yela
kaadung kaanamum avanoodu tunintu
naadum teyamum nanipala iranta*

- *wirawati sanggup meninggalkan ibu,
kampung kelahiran, ibu pertiwi demi
kekasihnya, kini
wirawati menghadapi kehidupan yang
serba kekurangan*

Semasa wirawati berada di pangkuan ibu segala permintaannya ditunaikan. Wirawati menghayati kehidupan yang selesa di rumah. Sebaliknya, kini wirawati terpaksa menghadapi kehidupan yang serba kekurangan. Anaknya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pakaian, makanan dan tempat tinggal. Ibu mengenangkan kesengsaraan dan kesukaran yang dihadapi oleh anak. Beliau juga melupakan perbuatan anak yang tidak setia pada ibu-bapanya. Kecintaan terhadap anak mengatasi segala-gala kekurangan.

Percintaan sepasang kekasih dan tanggungjawab seorang ibu dipaparkan dalam puisi yang ke-397. Pasangan kekasih dilamun cinta dan mereka bercadang untuk berkahwin. Keputusan mereka tidak direstui oleh ahli keluarga dan masyarakat tempatan. Bagi mengatasi masalah ini mereka meninggalkan keluarga, saudara-mara dan kampung.

Perbuatan mereka diketahui oleh ibu dan dia merasa amat sedih terhadap nasib anak. Ibu menyadari pasangan ini perlu melalui kawasan hutan tebal yang penuh dengan pelbagai ancaman. Beliau berpendapat, dia gagal dalam usaha menunaikan tanggungjawabnya.

Pada hakikatnya, ibu bertanggungjawab mencari dan mengkahwinkan anak dengan jodoh yang sesuai. Disebabkan oleh kecuaiannya, kini anaknya mencari jodohnya sendiri. Peristiwa sedih ini digambarkan oleh pujangga *Kayamanaan*.

என்மகள் வெருமடம் யான்பா ராட்டத்
தாய்தன் செம்மல் கண்டுகடன் இறுப்ப
முழுவமுகம் புலரா விழவுடை வியனகர்

(*Akananuru, 397:1-3*)

*yenmagal verumadam yaan paaraadda
taaitan semmal kandukadan iruppa
mulavumugam pularaa vilavudai viyanagar*

- *ibunya gagal menunaikan tanggungjawab
anaknya mencari pasangan hidup, lalu
pergi ke tempat lain*

Rangkaian kata *taaitan semmal kandukadan iruppa* menyatakan tanggungjawab ibu-bapa terhadap anak. Mereka bertanggungjawab untuk mencari jodoh yang sesuai bagi anak serta memastikan anaknya dapat membina rumah tangga yang bahagia (*taaitan semmal kandukadan iruppa*).

Kasih sayang ibu-bapa terhadap anak digambarkan oleh pujangga *Kabilar*.

யாயே, கண்ணி னும்கடுங் காதலனே
எந்தையும், நிலன்உரப் பொறாஅன், சீறடி சிவப்ப
எவன், இல! குறுமகள்! இயங்குதி! என்னும்
யாமே, பிரிவு இன்று இயைந்த துவரா நட்பின்
இருதலைப் புள்ளின் ஓர்உயிரம்மே

(*Akananuru, 12:1-5*)

*yaaye, kannee numkadung kaatale
yentaiyum, nilanurap peraan, seeradi sivappa
yevan, ila! kurumagal! iyangkuti! yennum
yaame, pirivu indru iyainta tuvara nadpin
irutalai pullin ooruyiramme*

- *ibunya melahirkan anak dan membela, serta mencurahkan kasih sayang sepenuhnya ibu dan bapa menjaga keselamatan dan kesihatan anak bagaikan mutiara yang sukar diperoleh, serta bagaikan anak mata yang tidak ada ganti*

Puisi ini menggambarkan kasih sayang ibu-bapa terhadap anak kesayangan. Ibu-bapa melahirkan dan membesarkan serta menjaga anak perempuan bagaikan mutiara yang sukar diperoleh. Ibu menjaga anaknya seperti anak mata (*kannee numkadung*), manakala, bapa pula merasa risau bila anaknya berjalan di atas lantai (*nilanurap peraan, seeradi sivappa*). Bapa khawatir bahawa tapak kaki anaknya akan terluka dan tercemar bila berjalan di atas lantai. Gambaran ini merupakan lambang simbolik perasaan kasih sayang ibu-bapa terhadap anak mereka.

Kasih sayang seorang ibu terhadap anak (*wirawati*) dipaparkan oleh pujangga *Mamoolanaar*. Perasaan kasih sayang ini digambarkan melalui perlakuan Raja *Sheralaatan*. Tercetus perang antara Raja *Karikaal Valavan* dengan Raja *Sheralaatan*. Perang ini berlaku di tanah *Venni*, oleh yang demikian, perang ini digelar sebagai *Venni Phor* (Perang *Venni*). Dalam perang ini Raja *Karikaal Valavan* menewaskan Raja *Sheralaatan* dan Raja *Sheralaatan* merasa amat malu dan sedih terhadap kekalahan. Baginda mengambil keputusan untuk mengorbankan diri dengan cara *vadakkiruttal*. Hal ini diketahui oleh rakyatnya, mereka mengenangkan jasa dan bakti Raja *Sheralaatan* terhadap pembangunan negara. Rakyatnya bertekad untuk mengorbankan diri (*vadakkiruttal*) bersama dengan raja yang dikasihi.

Keputusan rakyat Raja *Sheralaatan* dikenang oleh seorang ibu. Beliau membandingkan perbuatan rakyat *Venni* dengan perbuatan diri sendiri dalam hal pemergian anaknya. Anak perempuan mengikuti pasangan kekasih dan pemergian anak adalah bagaikan perpisahan

nyawa dari tubuhnya. Ibu terasa amat sedih dan beliau tidak dapat bertindak sepertimana yang dilakukan oleh rakyat tanah Venni yang sanggup mengorbankan diri bersama rajanya.

Peristiwa yang unik ini digambarkan seperti berikut:

காய்ந்துசெலற் கனலி கல்பகத் தெறுதலின்
ஈந்துகுருகு உருகும் என்றாழ் நீள்இடை
உளிமுக வெம்பரல் அடிவருத் துறாலின்
விளிமுறை அறியா வேய்கரி கானம்
வயக்களிற்று அன்ன காளையொடு என்மகள்

(Akananuru,55:1-5)

*kaaintuselar kanali galpaga terutalin
eentukurugu urugum yendrool neelidai
ulimuga vembaral adivaru turaalin
vilimurai ariyaa veykari kaanam
vayakkalidru anna kaalaiyodu yenmagal*

- *anaknya pergi bersama jodoh pilihan mereka melalui hutan tebal bagaikan mengharungi laut kesengsaraan*

கரிகால் வளவனொடு வெண்ணிப் பறந்தலைப்
பொருதுபு நாணிய சேர லாதன்
அழிகள் மருங்கின் வான்வடக் கிருந்தென
இன்னா இன்உரை கேட்ட சான்றோர்
அரும்பெறல் உலகத்து அவனொடு செலீஇயர்
பெரும்பிறிது ஆகியாங்கும், பிரிந்து இவண்

(Akananuru,55:10-15)

*Karikaal Valavanodu Venni parantalai
porutupu naaniya shera laatan
aligala marungkin vaanvada kiruntena
innaa innurai kedda saandr
arumperal ulagattu avanodu seleeiyar
perumpiritu aakiyaanggu, pirintu ivan*

- *Karikaal Valavan kalah dalam perang Venni merasa amat malu, lalu ingin mengorbankan diri dengan cara vadakkiruttal rakyat tanah Venni turut mengikuti raja untuk berkorban bersama rajanya*

Bait pertama di atas, menggambarkan penderitaan yang dihadapi oleh wirawati semasa perjalanan merentasi hutan tebal. Ibu terasa amat sedih mengenangkan kesengsaraan yang dihadapi oleh pasangan kekasih. Bait kedua pula, membincangkan perang yang berlaku di

tanah *Venni* antara Raja *Karikaal Valavan* dengan Raja *Sheralaatan*. Perpisahan anak dikaitkan dengan kegagalan dalam perang. Kedua-dua situasi ini melibatkan kesengsaraan hati dan emosi.

Ahli keluarga peka tentang perhubungan pasangan kekasih dan perhubungan mereka ditegah oleh mereka. Ibu-bapa mendapatkan jodoh yang lebih sesuai bagi wirawati. Pada masa yang sama, wirawati ditempatkan di dalam rumah lalu diawasi. Walau bagaimanapun, wirawati berjaya melepaskan diri dari kawalan rumah dan mengikuti kekasih. Hal ini diketahui oleh ibu-bapa dan mereka berdoa kepada Tuhan agar anaknya dapat mencapai destinasiya dengan selamat.

கண்டிசின் – மகளே! கெழீஇ இயைவெனை
ஒண்தொடி செறித்த முன்கை ஊழ்கொள்பு
மங்கையர் பலபா ராட்டச் செந்தார்க்
கிள்ளையும் தீம்பால் உண்ணா மயிலியற்
சேயிறை மகளிர் ஆயமும் அயரா
தாழியும் மலர்பல அணியா கேழ்கொளக்
காழ்புணைந்து இயற்றிய வனப்பமை நோன்சுவர்

(*Akananuru, 369:1-7*)

*kandisin – magale! kelee iyaivenai
ontodi seritta munkai oolkolpu
mangaiyar palapaa raadda sentaar
killaiyum teempaal unnaa mayiliyar
seyilai magalir aayamum ayaraa
taaliyum malarpala aniyaa kel kola
kaalpunaintu iyadriya vanappamai nonsuvar*

- *hal percintaan diketahui oleh ahli keluarga
percintaan pasangan ini tidak direstui
mereka mencari jodoh yang lebih sesuai bagi anaknya
pada masa yang sama, mereka
menempatkan anaknya di dalam rumah, lalu
rumahnya dikawal
tetapi wirawati dapat melepaskan diri
ibu dan bapa berdoa kepada Tuhan agar
anaknya selamat dan dapat mencapai destinasiya*

Puisi ini menyatakan bahawa, rakan sebaya wirawati yang memakai gelang tangan (*ontodi seritta munkai oolkolpu mangaiyar*) tidak berselera untuk makan. Serta mereka tidak mahu bermain disebabkan oleh pemergian wirawati (*mayiliyar seyilai magalir aayamum ayaraa*).

Mereka amat sedih dengan tindakan wirawati (*taaliyum malarpala aniyaa kel kola*). Perasaan dan luahan hati ibu-bapa serta rakan sebaya diperincikan dalam puisi ini.

Manakala, burung nuri yang menjadi teman wirawati enggan makan dan minum (*killaiyum teempaal unna*). Pokok bunga pula tidak mahu berbunga disebabkan oleh peninggalan kawan karib (*taaliyum malarpala aniyaa kel kola*). Kesemua kejadian ini adalah disebabkan oleh pemergian wirawati. Pemergian wirawati bukan sahaja terasa oleh manusia malah alam flora dan fauna juga terasa. Ibu wirawati rasa pilu dan sedih mengenangkan kesemua perkara ini.

Pada hakikatnya, perhubungan sesama manusia dieratkan oleh perasaan kasih sayang yang suci dan murni. Perasaan ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan kemesraan sesama manusia. Perasaan kasih sayang adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Antologi *Akananuru* membincangkan keperluan dan kepentingan perasaan cinta melalui pelbagai peristiwa.

3.2.3 Kasih Sayang Manuisa dan Haiwan

Kasih sayang antara haiwan merupakan suatu perlakuan yang penting dalam konteks alam semula jadi. Haiwan turut terpengaruh dengan perasaan kasih sayang dan tanpa perasaan ini kewujudan alam fauna adalah tidak terjamin. Antologi *Akananuru* mencerminkan pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan perasaan kasih sayang antara haiwan. Para pujangga masyarakat Tamil pula menghayati dan menghormati alam fauna. Mereka memberikan keutamaan kepada haiwan dan tumbuhan sepertimana manusia.

Teori *Tholkaapiyam* membincangkan perbuatan dan perasaan kasih sayang manusia terhadap alam haiwan. Tatacara penamaan haiwan membuktikan perhubungan antara masyarakat Tamil dengan alam haiwan. Teks *Tholkaapiyam* menyatakan nama-nama haiwan dan anak-anaknya secara terperinci.

மாற்றருஞ் சிறப்பின் மரபியல் கிளப்பில்
பார்ப்பும் பறமுங் குட்டியும் குளையும்
கன்றும் பிள்ளையும் மகவும் மறியுமென்று
ஒன்பதூங் குழவியோ டிளமைப் பெயரே

(*Tholkaapiyam, Marapiyal, 1:1-4*)

*maadrarun sirappin marapiyal kilappil
paarppum paralung kuddiyum kurulaiyum
kandrum pillaiyum magavum mariyumendru
onbatung kulaviyoh dilamai peyarhe*

- *nama-nama haiwan digelar mengikut
tatacara turun temurun
namanya berdasarkan kepada jenis, umur, jantina*

Kebanyakan haiwan digelar berdasarkan kepada peringkat umur. Haiwan dewasa dan muda (anak) mempunyai nama yang berlainan. Menurut bait ini, *paarppu*, *paralu*, *kuddi*, *kurulai*, *kandru*, *pillai*, *magavu*, *mari* dan *kulavi* merupakan nama-nama bagi haiwan muda. Di samping itu, haiwan-haiwan ini juga turut digelar berdasarkan kepada jantina. Haiwan jantan dan betina mempunyai nama yang berlainan. Kenyataan ini dipaparkan dalam teks *Tholkaapiyam* yang berikut:

எருதும் ஏற்றையும் ஒருத்தலூங் களிறும்
சேவுஞ் சேவலும் இரலையுங் கலையும்
மோத்தையுங் தகரு முதளு மப்பரும்
போத்தூங் கண்டியுங் கடுவனும் பிறவும்
யாத்த ஆண்பாற் பெயரென மொழிப

(*Tholkaapiyam, Marapiyal, 2:1-5*)

*yerutum yedraiyeum oruttalung kalirum
sevun sevalum iralaiyung kalaiyeum
mottaiyung tagaru mutalu mapparum
pottung kandiyung kaduvanum piravum
yaatta aanpaar peyarena moliba*

- *nama-nama bagi haiwan jantan:*
lembu ialah yheru, manakala gajah dikenali sebagai kaliru
ayam dipanggil dengan nama she ataupun sheval
iralai dan kalai adalah nama bagi rusa
mottai, tagar, utal, mappar, pottu, kandi dan kaduvan
merupakan nama bagi monyet

Yheru (lembu jantan), *yhedrai, oruttal, kaliru* (gajah jantan), *she, sheval* (ayam jantan), *iralai, kalai* (rusa jantan), *mottai, tagar, utal, mappar, pottu, kandi dan kaduvan* (monyet jantan) merupakan nama-nama haiwan jantan.

Manakala, nama haiwan betina adalah seperti berikut:

பேடையும் பெடையும் பெட்டையும் பெண்ணும்
 மூடும் நாகுங் கடமையும் அளகும்
 மந்தியுங் பாட்டியும் பிணையும் பிணவும்
 அந்தஞ் சான்ற பிடியொடு பெண்ணே

(*Tholkappiyam, Marapiyal, 3:1-4*)

phedaiyum pedayum peddaiyum pennum
moodum naagung kadamaiyum alagum
mantiyun paaddiyum pinaiyum pinavum
antan saandra pidiyodu penne

- *nama-nama bagi haiwan betina:*
ayam betina dikenali sebagai phedai, pedai dan peddai
pen, moodu, naagu, kadamai, alagu dan manti
adalah nama monyet betina
paaddi, pinai, pinavy merupakan gelaran bagi gajah betina

Phedai (ayam betina), *pedai, peddai* (ayam betina), *pen, moodu, naagu, kadamai, alagu, manti* (monyet betina), *paadi, pinai, pinavy* dan *pidi* (gajah betina) merupakan nama-nama bagi haiwan betina. Kedua-dua puisi ini membuktikan kewujudan nama yang berlainan bagi haiwan yang sama jenis.

Kesemua kenyataan ini membuktikan dua perkara yang utama, iaitu kekayaan bahasa Tamil dan penghayatan masyarakat Tamil terhadap alam fauna. Mereka bukan sahaja maju dari

segi unsur bahasa tetapi mereka berjaya mempergunakan kekayaan bahasa dalam penggunaan harian. Amalan harian mereka memberikan keutamaan kepada alam flora dan fauna. Penghayatan terhadap kedua-dua alam ini mewujudkan perhubungan mesra antara manusia, binatang dan tumbuhan. Sehingga mereka dapat menamakan haiwan berdasarkan kepada umur dan jantina.

Di samping itu, mereka juga dapat menjinakan kebanyakan haiwan hutang seperti gajah, lembu, kambing, anjing, keldai, ayam dan burung. Kesemua haiwan ini dijinak dan dijadikan sebagai haiwan peliharaan. Perhubungan yang erat telah menjalinkan kasih sayang antara manusia dan haiwan. Situasi ini menghasilkan kewujudan pelbagai nama mengikut jantina dan usia.

Rajah 3. 6: Nama-nama Haiwan Mengikut Jantina dan Usia

Bil.	Nama Haiwan		
	Jantan	Betina	Anak
1	<i>Yheru</i>	<i>Phedai</i>	<i>Paarppu</i>
2	<i>Yhedrai</i>	<i>Pedai</i>	<i>Paralu</i>
3	<i>Oruttal</i>	<i>Pedda</i>	<i>Kuddi</i>
4	<i>Kaliru</i>	<i>Pen</i>	<i>Kurulai</i>
5	<i>She</i>	<i>Moodu</i>	<i>Kandru</i>
6	<i>Sheval</i>	<i>Naagu</i>	<i>Pillai</i>
7	<i>Iralai</i>	<i>Kadamai</i>	<i>Magavu</i>
8	<i>Kalai</i>	<i>Alagu</i>	<i>Mari</i>
9	<i>Mottai</i>	<i>Manti</i>	<i>Kulavi</i>

(Sumber: *Tholkaapiyam, Marapiyal, 3:1-4*)

Nama-nama mengikut jantina ini membuktikan penghayatan masyarakat Tamil zaman *cangam* terhadap alam fauna. Mereka memberikan penghormatan dan keprihatinan yang sewajarnya kepada haiwan-haiwan. Kesedaran terhadap bakti yang dicurahkan oleh haiwan-haiwan kepada masyarakat manusia mengeratkan perhubungan manusia dengan haiwan. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa nama yang berlainan bagi sejenis binatang. Gelaran namanya adalah mengikut jantina dan usia binatang berkenaan. Maklumat ini dapat diperincikan seperti berikut:

Rajah 3.7 : Pelbagai Nama Bagi Sesuatu Haiwan

Bil	Haiwan			
	Jenis	Jantan	Betina	Anak
1	Gajah	<i>Kaliru</i>	<i>Piliru</i>	<i>Kandru</i>
2	Lembu	<i>Kaalai</i>	<i>Pasu</i>	<i>Kandru</i>
3	Kambing	<i>Kadaa</i>	<i>Peddai</i>	<i>Kuddi</i>

(Sumber: *Tholkappiyam, Marapiyal, 3:1-4*)

Kesemua kenyataan ini menunjukkan kepekaan dan penghayatan masyarakat Tamil terhadap alam fauna. Setiap perkembangan dan perlakuan haiwan diteliti dan dihayati oleh mereka. Masyarakat Tamil zaman *cangam* turut mengenali kebanyakan gerak-geri dan perlakuan haiwan. Antologi *Purananuru* memaklumkan keseluruhan bentuk badan seekor arnab seperti berikut:

தாமயிர்க் குறுந்தாள் நெடுஞ்சேவிக் குறுமுயல்

(*Purananuru, 334:2*)

toomayir kuruntaal nedunchevi kurunuyal

- *arnab yang comel mempunyai buluh putih, kaki pendek dan telinga panjang*

Baris ini menyatakan keseluruhan bentuk badan seekor arnab yang comel. Penghayatan dan penelitian yang tajam menonjol dalam puisi ini. Arnab (*kurumuyal*) ialah sejenis haiwan kecil yang berbulu putih (*toomayir*), berkaki pendek (*kutuntaal*) dan mempunyai telinga panjang (*neduncevi*). Maka, melalui baris ini dapat diketahui keseluruhan bentuk badan seekor arnab. Ini menunjukkan kepekaan dan penghayatan masyarakat Tamil terhadap alam fauna.

Konsep haiwan dibahagi pada dua kategori yang besar, iaitu, haiwan peliharaan dan haiwan hutan. Secara amnya, haiwan dipelihara untuk beberapa tujuan yang berikut:

Rajah 3.8 : Tujuan Haiwan Peliharaan

Bil.	Tujuan	Perlakuan
1	Menolong kegiatan harian: bersawah, pengangkutan dan mengangkat muatan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ lembu jantan digunakan untuk menolong di sawah padi ▪ kuda digunakan untuk pengangkutan dan aktiviti sukan ▪ keldai digunakan untuk memikul dan mengangkat berat
2	Menemani manusia: hiburan, kegemaran dan kawalan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ burung merak, burung nuri dan arnab dipelihara sebagai hobi ▪ anjing dipelihara bagi tujuan kawalan dan pemburuan
3	Makanan: haiwan dijadikan sebagai bahan makanan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ rusa, kambing dan ayam dipelihara bagi tujuan makanan. Manakala, lembu dan kerbau betina adalah bagi tujuan mendapatkan susu

(Sumber: *Tholkappiyam, Marapiyal*)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengklasifikasikan haiwan mengikut *thinai* iaitu bentuk muka bumi. Taburan kehidupan haiwan adalah berdasarkan pada *thinai*. Setiap *thinai* mempunyai haiwan yang tertentu. Perincian tentang kehidupan haiwan dan *thinai* adalah seperti berikut :

Rajah 3.9 : Thinai dan Jenis Haiwan

Bil.	<i>Thinai</i>	Jenis Haiwan
1	<i>Kurinchi</i> (Kawasan pergunungan)	gajah, harimau, babi hutan, ular, kambing, monyet, burung nuri dan burung merak
2	<i>Mullai</i> (Kawasan hutan)	rusa, lembu, arnab dan burung merak
3	<i>Marutham</i> (Kawasan pertanian)	ikan, ketam, kura-kura, burung, ayam, bangau, kerbau dan buaya
4	<i>Neytal</i> (Laut dan persisiran pantai)	ikan yu, buaya, labi-labi, ketam dan bangau
5	<i>Paalai</i> (Kawasan kering kontang)	gajah, harimau, biawak dan cicak

(Sumber: *Tholkappiyam, Marapiyal*)

Jasa dan sumbangan haiwan terhadap kehidupan manusia adalah tidak ternilai. Haiwan menjadi salah satu punca bagi kemajuan masyarakat manusia. Memandangkan hal ini, masyarakat Tamil amat menyayangi dan menghormati haiwan. Perihal ini, dibincangkan secara meluas dalam antologi *Akananuru*. Lembu, gajah, keldai dan burung nuri merupakan haiwan-haiwan yang dibincangkan secara meluas dalam antologi ini. Di samping itu ciri-ciri seperti kewibaaan, keberanian dan keganasan harimau dan gajah juga dipaparkan.

Perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan haiwan dimaklumkan oleh para pujangga Tamil. Ini adalah untuk menghayati serta menghormati keindahan alam flora dan fauna.

Di samping itu, teguran simbolik terhadap perbuatan manusia yang mengancam keindahan alam flora dan keselamatan alam fauna turut dilakukan melalui puisi-puisi. Manusia yang cuai dan tidak bertanggungjawab perlu mempelajari beberapa perlakuan daripada tingkahlaku haiwan. Antologi *Akananuru* bukan sahaja membekalkan maklumat berkenaan kasih sayang manusia terhadap haiwan. Malah, perlakuan dan perasaan kasih sayang sesama haiwan juga dibincangkan.

3.2.3.1 *Maadu* (Lembu)

Lembu merupakan binatang yang amat dikagumi dan dihormati oleh masyarakat Tamil. Lembu dikenali sebagai *maadu* dalam bahasa Tamil. Perkataan ini memberi pelbagai pengertian seperti kekayaan dan kesucian. Jasa dan baktinya terhadap kehidupan manusia adalah tidak ternilai. Oleh yang demikian, lembu dianggap sebagai binatang yang amat bernilai kepada masyarakat Tamil. Lembu dan kerbau digunakan bagi pelbagai tujuan seperti teman kerja (sawah padi), pengangkutan (kereta lembu), sumber makanan (susu, dadih dan minyak sapi) dan harta (dijual dengan nilai yang tinggi). Memandangkan sumbangan yang bernilai maka masyarakat Tamil memperuntukkan suatu perayaan khas bagi mengenangkan jasa dan bakti lembu. Perayaan ini dikenali sebagai *maaddu ponggal* dan ianya disambut pada hari kedua perayaan *ponggal*. Lembu juga dikenali dengan pelbagai nama mengikut jantina dan umur.

Rajah 3.10 : Berlainan Nama Bagi Lembu

Nama Umum	Jantan	Betina	Anak
<i>Maadu</i>	<i>Kaalai</i>	<i>Pasu, maadu, karavai</i>	<i>Kandru</i>

(Sumber: *Tholkappiyam, Marapiyal*)

Perlakuan tentang lembu digambarkan oleh para pujangga dalam antologi *Akananuru*. Kasih sayang seekor lembu betina terhadap anak dipaparkan oleh pujangga *Okkoor Maasaattanaar*.

பதவு மேயல் அருந்து மதவுநடை நல்ஆன்
வீங்குமாண் செருத்தல், தீம்பால் பிலிற்ற
கன்றுயிர் குரல், மன்றுநிறை புகுதரும்
மாலையும் உள்ளார்ஆயின்.....

(*Akananuru*,14:9-12)

*patavu meyal aruntu matavunadai nalaan
veengumaan seruttal, teempaal pilidra
kandrupayir kurala, mandrunirai pugutarum
maalaiyum ullaaraayin.....*

- *lembu betina yang mempunyai anak
dibawa ke padang rumput, anaknya
ditinggalkan dalam kandang
tiba waktu petang, lembu betina
berkeinginan untuk berjumpa dengan anak*

Lembu betina (*karavai*) yang telah melahirkan anak di bawa ke padang rumput untuk meragut rumput (*patavu meyal aruntu matavunadai nalaan*). Anaknya (*kandru*) ditinggalkan di dalam kandang. Pada waktu petang ibu mengenangkan anak dan ia berkeinginan menyusukan anaknya. Peristiwa yang menyahut hati ini digambarkan dalam puisi ini. Peristiwa ini membuktikan kewujudan perasaan kasih sayang dalam kalangan haiwan. Haiwan-haiwan ini memiliki perasaan kasih sayang dan alunan emosi sepertimana manusia.

Seekor lembu betina menemani anak-anaknya meragut rumput yang segar. Dalam suasana ini lembu betina sentiasa memerhatikan dan mengawasi perlakuan anak-anak. Para pengembala pula memastikan keselamatan lembu. Dalam suasana seperti ini pengembala dan lembu mempunyai suatu tarikan emosi yang tidak dapat dibicarakan melalui elemen bahasa.

Gambaran tentang situasi ini dibicarakan dalam antologi *Akananuru* seperti berikut:

கறவைப் பல்லினம் புறவுதொறு உகளக்
குழல்வாய் வைத்தனர் கோவலர் வல்விரைந்து

(*Akananuru*,354:4-5)

*karavai pallinam puravutoru ugala
kulalvaai vaittanar kovalar valvirantu*

- *sentiasa memerhatikan lembu
mengawal rapi keselamatan lembu
di samping memainkan seruling*

Perkataan *karavai* dirujuk kepada lembu betina yang menyusukan anak. Pengembala lembu pula digelar sebagai *kovalar*. Mereka mahir memainkan seruling (*kulal*). *Kovalar*, *karavai* dan *kulal* merupakan perkataan-perkataan berkaitan dengan perlakuan menternak lembu.

Perang merupakan suatu peristiwa yang amat menyedihkan dan memudaratkan semua pihak yang terlibat. Alam flora dan fauna juga tidak terlepas daripada kemudaratkan perang. Kumpulan yang menang dalam perang akan merampas harta dan ternakan kumpulan yang tewas. Ternakan seperti lembu, kambing, kerbau dan keldai dirampas dan dibawa ke negeri mereka. Semasa perlakuan ini perpisahan dalam kalangan haiwan adalah sesuatu yang lumrah. Lembu-lembu betina terpaksa berpisah dari anak dan lembu-lembu jantan pula kehilangan pasangan. Penderitaan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh lembu-lembu ini digambarkan dalam puisi yang ke-63.

அஞ்சுவரத் தகுந் காணம் நீந்திக்
கன்று காணாது, புன்கண்ணை, செவிசாய்த்து
மன்றுநிறை பைதல் கூறப், பலஉடன்
கறவை தந்த கடுங்கான் மறவர்

(*Akananuru*,63:9-12)

*sengsara dan sedih menyelubungi hati
matanya layu memandang pasangan dan anak
cubing telinga terbuka luas menanti laungan mereka*

- *perpisahan antara ibu, anak dan pasangan hidup
memudaratkan nyawa, kesengsaraan yang dihadapi
tidak dapat dihuraikan*

Pujangga *Karuvoor Kannam Pullanaar* menyatakan bahawa perpisahan anak dan pasangan mewujudkan kesengsaraan yang keterlaluan (*anjuvara taguna kaanam neenti*). Matanya layu memandang ke arah anak dan pasangan (*kandru kaanaatu, punkanna*) manakala telinga pula sentiasa terbuka (*sevisaaittu*) mengharapkan laungan mereka. Puisi ini memaklumkan hakikat bahawa lembu turut menghadapi kesengsaraan perpisahan seperti manusia dan mempunyai perasaan kasih sayang sepertimana manusia. Pujangga zaman *cangam* memberikan penghormatan terhadap perasaan lembu melalui puisi ini.

Pujangga *Aarkkaadu Kilaar Maganaar Vellai Kannattanaar* pula menggambarkan suasana yang berlainan. Semasa dalam perjalanan pulang ke kandang, lembu betina berlaung berkali-kali memanggil anaknya. Apabila pulang ke kandang ia menunjukkan perasaan gembira serta bernesra dengan anak. Pujangga berjaya memaparkan ekspresi kegembiraan dan kesedihan lembu dan anaknya dengan jelas.

கன்றுயிர் குரல, மன்றுநிறை புகுதரும்
ஆபூண் தெண்மணி ஐதுஇயம்பு இன்இசை
புலம்புகொள் மாலை கேட்டோறும்
கலங்கினள் உறைவோள் கையறு நிலை

(*Akananuru, 64: 14-17*)

*anaknya ditinggalkan demi mengisi ruang perut
pulangan ibu disusuli bunyian loceng di leher
pulambukol maalai keddorum
kalanginal uraivhol kaiyaru nilaiyhe*

- *ibu di bawa ke padang rumput
anaknya tinggal di dalam kandang
ibu dan anak menunggu masa untuk penyatuan*

Lembu dewasa di bawa untuk meragut rumput manakala, anaknya ditinggalkan di dalam kandang. Perpisahan sementara waktu berlaku antara lembu dewasa dan anak. Apabila lembu dewasa pulang semula ke kandang kedua-duanya berkongsi kegembiraan. Larian anak-anak yang disebabkan oleh kegembiraan membuatkan loceng kecil yang diikat pada lehernya menghasilkan bunyi merdu (*aa poon tenmani aitu iyambu innisai*).

Kesemua peristiwa ini membicarakan perhubungan dan kemesraan yang wujud antara manusia dan haiwan serta sesama haiwan. Mereka saling terikat dengan suatu perasaan dalaman. Jasa dan bakti yang dicurahkan oleh lembu terhadap manusia memperkukuhkan perasaan dalaman ini.

3.3.3.2 *Aadu* (Kambing)

Kambing dikenali sebagai *aadu* dalam kalangan masyarakat Tamil. Terdapat dua golongan kambing, iaitu, kambing hutan dan kambing peliharaan. Kambing dipelihara untuk tujuan makanan, iaitu, susu dan daging. Menternak dan mengembala kambing merupakan salah satu pekerjaan yang amat penting dalam kalangan Masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pengembala kambing digelar sebagai *kovalar* dalam bahasa Tamil.

Pertempuran antara puak merupakan sesuatu yang lumrah pada zaman *cangam*. Puak yang menang dalam pertempuran merampas segala harta benda puak yang tewas. Rampasan mereka turut merangkumi lembu dan kambing yang ditenak oleh pihak musuh.

வீளை அம்பின் விழுத்தொடை மழவர்
நாள்ஆ உய்த்த நாமவெஞ் சுரத்து
நடைமெலிந்து ஒழிந்த சேட்படர் கன்றின்
கடைமணி உகுநர் துடைத்த ஆடவர்

(*Akananuru, 131:6-9*)

*veelai ambin viluttodai malavar
naal uyttu naamaven curattu
nadaimelintu olinta sedpadar kandrin
kadaimani uguneer tudaitta aadavar*

- *puak malavar menang dalam pertempuran mereka merampas segala harta benda termasuk ternakan pihak yang tewas mereka bersama dengan ternakan berjalan kaki ke kampung anak-anak kambing tidak bermaya untuk berjalan, maka anak-anak ini ditinggalkan, lalu ibu dan anak terpaksa berpisah*

Puak *malavar* yang menang dalam pertempuran merampas kambing ternakan pihak yang tewas. Mereka berjalan kaki mengharungi kawasan *Paalai*. Anak-anak kambing tidak berdaya untuk berjalan terus lalu baring di atas lantai (*nadaimelintu olinta sedpadar kandrin*). Kambing-kambing kecil yang tidak berdaya ini ditinggalkan. Hanya kambing-kambing yang besar sahaja dibawa balik. Dalam suasana ini berlaku perpisahan antara ibu dan anak kambing. Anak-anak kambing mengenangkan ibu lalu menitiskan air mata (*kadaimani uguneer*). Perlakuan yang menyahut hati ini digambarkan oleh pujangga *Madurai Maruthan Ilanaaganaar*. Peristiwa ini membuktikan perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan haiwan (kambing).

3.3.3.3 *Puli* (Harimau)

Harimau merupakan spesies haiwan terbesar dalam keluarga kucing. Harimau yang berasal dari Asia timur dan selatan ialah haiwan pemangsa yang ganas. Harimau dikenali sebagai *puli* dalam kalangan masyarakat Tamil. Masyarakat dunia melambangkan harimau sebagai tanda keberanian. Kekuatan dan kewibawaan harimau seringkali dibincangkan dalam antologi *Akananuru*.

Pada lazimnya, kewibawaan seseorang dibandingkan dengan keberanian harimau. Dalam upacara perkahwinan masyarakat Tamil zaman *cangam*, gigi taring harimau menjadi lambang keberanian mempelai lelaki. Wira diminta membuktikan keberaniannya dengan membawa gigi taring harimau. Bagi tujuan ini wira terpaksa berhadapan dengan harimau garang dan menewaskan. Jejak yang membawa gigi taring harimau dianggap sebagai wira yang berani dan beliau mempunyai peluang untuk memiliki gadis kesayangan. Gigi taring harimau diikat dengan tali bersadur tepung kunyit, lalu diikat pada leher pasangannya.

Walaupun harimau merupakan sejenis haiwan buas dan garang tetapi ia tetap mempunyai perasaan kasih sayang. Kasih sayang seekor harimau jantan terhadap pasangannya dipaparkan oleh pujangga *Yerumai Veliyanaar Maganaar Kadalanaar*.

ஈர்உயிர்ப் பிணவின் வயவுப்பசி களைஇய
இருங்களிறு அட்ட பெருஞ்சின உழுவை

(*Akananuru, 72:12-13*)

*eer uyir pinavin vayavupasi kalaiiya
irungkaliru adda peruncina uluvai*

- *betina yang berbadan dua
tidak terdaya mengejar mangsa
pasangannya membawa rezeki*

Puisi ini memaparkan perlakuan seekor harimau jantan memburu babi hutan lalu memberikan kepada pasangan. Harimau jantan menyedari penderitaan yang dihadapi oleh pasangan yang tidak dapat memburu kerana sarat mengandung (*eer uyir pinavin*). Oleh yang demikian, harimau jantan mencari makanan untuk pasangan yang kelaparan (*eer uyir pinavin vayavu pasi kalaiya*). Dalam situasi ini kasih sayang harimau jantan terhadap pasangan dapat dilihat dengan jelas.

Perlakuan kasih sayang harimau dipaparkan dalam pelbagai situasi. Pergaduhan antara seekor harimau jantan dengan seekor gajah dipaparkan dalam puisi yang ke-357. Harimau betina yang sarat mengandung tidak berdaya untuk mencari makanan. Makin lama makin lemah tanpa makanan dan minuman. Harimau betina ini baring di atas lantai tanpa sebarang tindakan. Hal ini disedari oleh harimau jantan dan ia bertindak untuk mencari makanan kepada pasangan. Harimau jantan menyerang dan membunuh seekor gajah dan membawa kepada pasangan. Kejadian ini dibentangkan dalam puisi yang berikut:

புலவுப்புலி புரண்ட புல்சாய் சிறுநெறி
பயில்இருங் கானத்து வழங்கல் செல்லாது
பெங்களிற்று இனநிறை கைதொடூஉப் பெயரும்

(*Akananuru, 357:6-8*)

*pulavuppuli puranda pulsaai siruneri
payilirung kaanattu valanggal sellaatu
perungkalidru inanirai kaitodoo peyarum*

- *harimau betina yang mengandung tidak dapat mencari makanan, ia baring di atas lantai tanpa sebarang tindakan harimau jantan sedar tentang hal ini, lalu memburu seekor gajah dan di bawa ke pangkuan pasangannya*

Perlakuan harimau jantan melambangkan perasaan kasih sayang terhadap pasangan. Harimau dianggap sebagai binatang buas yang amat ditakuti serta tidak mempunyai perasaan kasih sayang. Walau bagaimanapun, dalam situasi ini perasaan kasih sayang harimau ditonjolkan secara mendalam oleh pujangga *Velli Veetiyaar*.

வெண்கோட்டு யானை பொருத புண்கூர்ந்த
பைங்கண் வல்லியம் கல்லளைச் செறிய
முருக்கரும்பு அன்ன வள்ளுகிர் வயப்பிணவு

(*Akananuru, 362:3-5*)

*venkoddu yaanai poruta punkoornta
paingkan valliyam kallalai seriya
murukkarumbu anna vallugir vayappinavu*

- *harimau betina melahirkan anak tidak dapat memburu, ia menderita kelaparan memandangkan hal ini harimau jantan memburu mangsa untuk pasangannya*

Seekor harimau yang baru melahirkan anak tidak bertenaga untuk memburu mangsa. Ia menderita disebabkan kelaparan. Mukanya layu dan badannya lemah. Memandangkan kesengsaraan pasangan, maka harimau jantan sudi mencarikan makanan untuk pasangan. Harimau jantan memburu seekor gajah lalu di bawa ke pangkuan harimau betina.

ஈன்றுஅணி வயவுப்பிணிப் பசித்தென மறப்புவி
ஒளிறுஏந்த மருப்பின் களிறுஅட்டுக் குழுமும்

(*Akananuru, 112:5-6*)

*eendruani vayavu pina pasittena marappuli
oliru yentu maruppin kaliruddu kulumum*

- *harimau yang melahirkan anak tidak bertenaga untuk memburu lalu pasangannya mencarikan makanan*

Harimau dianggap sebagai pemangsa yang tidak mempunyai belas kasihan (*marappuli*). Ia membunuh haiwan lain untuk makanan. Walau bagaimanapun, ia juga mempunyai perasaan kasih sayang. Perasaan kasih sayang terhadap pasangan terserlah melalui perlakuan ini (*oliru yhentu maruppin kaliruddu kulumum*).

3.3.3.4 *Yaana* (Gajah)

Gajah merupakan haiwan darat yang terbesar di dunia. Gajah India membentuk sebahagian besar daripada populasi gajah Asia. Gajah ini berwarna abu-abu ringan, dengan depigmentasi atau bintik-bintik pada telinga dan belalai. Gajah dianggap sebagai salah satu binatang suci bagi masyarakat Tamil. Gajah dikenali dengan beberapa nama mengikut jantina dan umur.

Rajah 3.11 : Berlainan Nama Bagi Gajah

Nama Umum	Jantan	Betina	Anak
<i>Yaana</i>	<i>Kaliru</i>	<i>Pidi</i>	<i>Kandru</i>

(Sumber: *Tholkappiyam, Marapiyal*)

Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa peristiwa yang melambangkan perasaan kasih sayang pasangan gajah. Perasaan kasih sayang pasangan gajah dipaparkan melalui hasil nukilan pujangga *Madurai Nakkeeranaar*. Seekor gajah jantan mengawal pasangan daripada serangan sejenis binatang yang dikenali sebagai *aali*.

*naintalai kaanattu aali anji
inamtalai taroom yerulkilar munpin*

- *gajah yang baru melahirkan anak
terasa amat lemah dan tidak terdaya untuk berjalan
anak kecil belum mahir berjalan, maka
gajah jantan mencarikan makanan
kepada ibu dan anak gajah*

Gajah betina yang melahirkan anak terasa amat lemah dan tidak berdaya lagi untuk berjalan. Anak yang baru lahir pula belum mahir berjalan. Dalam keadaan ini gajah jantan mencarikan makanan daun kepada ibu dan anak. Peristiwa yang menyentuh hati ini digambarkan oleh pujangga *Kaaddoor Kilaar Maganaar Kannanaar*.

ஈன்றுநாள் உலந்த மென்னடை மடப்பிடி
கன்றுபசி களைஇய பைங்கண் யானை
முற்றா முங்கில் முளைதருடி, ஊட்டும்

(*Akananuru*,85:6-8)

*eendrunaal ulanta mendai madappidi
kandrupasi kalaiya paingkan yaanai
mudraa moonggil mulaitarubu, ooddum*

- *lahir cahaya mata lalu layu
kelaparan menghantui ibu dan anak
pasangannya membawa daun buluh muda*

Selepas melahirkan anak (*eendrunaal*), gajah betina tidak bertenaga lalu tidak dapat bergerak pantas. Perlakuan ini digambarkan melalui baris *eendru ulanta mennadai madappidi*. Gajah jantan pula mencarikan daun buluh muda (*mudraa moonggil mulaitarubu*) bagi pasangan dan anak.

Pujangga *Maamoolanaar* pula menggambarkan perasaan kasih sayang seekor gajah jantan di tanah *Paalai*. Gajah jantan dan betina sengsara disebabkan oleh kelaparan. Di kawasan yang kering kontang tidak mempunyai sebarang barang makanan.

பாசி தின்ற பைங்கண் யானை
ஓய்பசிப் பிடியொடு ஓருதிறன் ஓடுங்க

(*Akananuru*,91:4-5)

*paasi tindra paingkan yaanai
oipasi pidiyodu orutiran odungga*

- *musim kering menjadikan tanah Paalai
kehabisan makanan, gajahnya kelaparan
memandangkan pasangannya tidak bermaya
maka, gajah jantan turut baring di sebalah pasangan*

Menurut puisi ini, kawasan *Paalai* menghadapi musim panas yang menyebabkan kering kontang. Kebanyakan kehidupan di kawasan ini mati kebuluran disebabkan ketiadaan makanan dan minuman. Sepasang gajah turut menghadapi kesengsaraan yang sama. Gajah betina yang tidak terdaya mencari makanan lalu baring di atas lantai (*paasi tindra paingkan yaanai*). Memandangkan kesengsaraan yang dihadapi oleh pasangannya maka gajah jantan turut bersebelahan dengan gajah betina (*oipasi pidiyodu orutiran odungga*). Walaupun, gajah jantan masih mempunyai tenaga untuk bergerak tetapi ia tidak berkeinginan untuk meninggalkan pasangan. Pada hakikatnya, gajah jantan mempunyai tenaga untuk beredar ke tempat yang mempunyai makanan. Kasih sayangnya terhadap pasangan menjadikan gajah jantan tidak berbuat demikian.

Kasih sayang yang wujud dalam kalangan gajah turut digambarkan oleh pujangga *Ooddiyaar*. Seekor anak gajah terjatuh ke dalam sungai yang airnya mengalir deras. Gajah-gajah betina berbunyi belalai (*elephant trumpet*) dengan kuat meminta bantuan manakala gajah-gajah jantan pula berusaha menolong anak gajah. Bunyi belalai gajah menjadikan hutannya bergegar.

தவிர்வுஇல் வெள்ளம் தலைத்தலை சிறப்பக்
கன்றுகால் ஒய்யும் கடுஞ்சுழி நீத்தம்
புந்தலை மடப்பிடி பூசல் பலஉடன்
வெண்கோட்டு யானை விளிபடத் துழவும்
அகல்வாய்ப் பாந்தட் படாஅர்ப்

(*Akananuru,68:16-19*)

*tavirvuil vellam talaittalai sirappa
kandrukaal oyyum kadunculi neettam
puntalai madappidi poosal palaudan
venkoddu yaanai vilipada tulavum*

- *air sungai mengalir deras
anak gajah terjatuh ke dalam sungai
gajah betina berbunyi belalai, manakala
gajah jantan berusaha menolong anak*

Puisi ini menyatakan bahawa, kesemua gajah dalam kumpulan berkenaan berusaha untuk menolong anak gajah (*puntalai madappidi poosal palaudan*). Laungan dan gerak-geri gajah menggambarkan perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan gajah (*venkoddu yaanai vilipada tulavum*).

Kesemua situasi ini membuktikan perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan gajah. Haiwan ini terikat dengan perhubungan sesamanya seperti ibu-bapa, anak dan pasangan kekasih. Kasih sayang yang wujud dalam kalangan gajah dipergunakan sebagai sumber kekuatan diri. Mereka dapat mengharungi sebarang halangan dan kesengsaraan melalui perasaan kasih sayang.

3.3.3.5 *Nandu* (Ketam)

Ketam dikenali sebagai *nandu* dalam kalangan masyarakat Tamil. *Nandu* merupakan sejenis haiwan kecil yang hidup di kawasan perairan. Haiwan ini juga terikat dengan perasaan kasih sayang. Pepatah Melayu tentang ketam, "seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul", membuktikan kewujudan perhubungan sesama ketam. Pujangga *Madurai Marutanila Naaganaar* menerapkan suatu peristiwa yang membuktikan perasaan kasih sayang seekor ketam terhadap pasangannya. Kejadian ini berlaku di kawasan *neytal*. Seekor ketam membawa sebiji buah 'naava' untuk pasangan. Hal ini digambarkan seperti berikut:

அகலிலை நாவல் உண்துறை உதிர்த்த
கனிகவின் சிதைய வாங்கிக் கொண்டுதன்

(*Akananuru*,380:4–5)

*agaligai naaval unturai utirtta
kani kavin sitaiya vaangi kondutan*

- buah 'naaval' yang jatuh dari pokok di bawa oleh ketam jantan, lalu diberikan kepada pasangannya

Buah 'naaval' yang jatuh dari pokok di bawa oleh seekor ketam jantan lalu diberikan kepada pasangannya untuk dimakan. Buah 'naaval' ditarik masuk ke dalam lubang yang diduduki oleh pasangan itu. Perbuatan ini membuktikan kewujudan perasaan kasih sayang dalam kalangan ketam.

3.3.3.6 *Kholi* (Ayam)

Ayam merupakan sejenis burung peliharaan yang seringkali ditenak untuk telur dan daging. Ia merupakan haiwan yang memakan hampir apa sahaja, dari bijian ke daun dan dari serangga ke tikus. Ayam dikenali sebagai *kholi* dalam bahasa Tamil. Ayam ternakan biasanya tidak dapat terbang begitu jauh.

Kasih sayang yang wujud dalam kalangan ayam turut dibincangkan dalam antologi *Akananuru*. Peristiwa ini digambarkan oleh pujangga *Yeyinantai Maganaar Ilangkeeranaar* dalam puisi yang ke-3.

கொடுவாய்ப் பேடைக்கு அல்கிரை தரீஇய
மான்றுவேடு எழுந்த செஞ்செவி ஒருவை

(*Akananuru*,3:4-5)

*koduvaai pedaikku alkirai tareeya
maandruvedu yelunta sencevi yeruvai*

- ayam betina mengawal anak-anak yang baru lahir memandangkan tugas ayam betina, maka ayam jantan mencarikan makanan untuk pasangannya

Seekor ayam betina sedang mengawal anak-anak yang baru menetas. Ayam betina ini sibuk menjaga keselamatan anak-anak sehingga ia tidak dapat mencari makanan untuknya. Hal ini disedari oleh ayam jantan lalu ia berusaha untuk mengatasi masalah kelaparan pasangan. Ayam jantan yang mempunyai paruh kuat dan keras (*koduvaai pedai*) mencari makanan

untuk pasangan. Maklumat ini memaparkan perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan ayam.

3.3.3.7 *Maan* (Rusa)

Rusa dikenali sebagai sambar atau menjangan yang merupakan haiwan mamalia keluarga *cervidae*. Rusa dikenali dengan nama *maan* dalam bahasa Tamil. Rusa merupakan sejenis haiwan yang pantas bergerak. Salah satu ciri khas yang dimiliki oleh rusa adalah ia mempunyai *antler* yang merupakan pertumbuhan tulang di bahagian kepala. Tulang ini berkembang setiap tahun, biasanya pada musim panas, terutama pada rusa jantan. Pertumbuhan tulang ini seringkali dikenali sebagai tanduk rusa.

Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa peristiwa yang melambangkan perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan rusa. Rusa merupakan sejenis binatang yang lembut dan cergas. Puisi-puisi yang berikut membuktikan kewujudan perasaan kasih sayang dalam kalangan rusa. Seekor rusa jantan makan daun dan ubi secukupnya serta berehat di atas lantai bersama pasangan. Menurut pujangga *Orhodokattu* rusa jantan yang makan kenyang tinggal bersama dengan kekasihnya. Rusa jantan baring di atas rusa betina yang merupakan pasangan hidup. Situasi ini membuktikan perasaan kasih sayang antara rusa jantan dan rusa betina.

பதவின் பாவை, முனைஇ, மதவநடை
அண்ணல் இரலை அமர்பிணை தழீஇத்
தண்அறல் பருகித் தாழ்ந்துபட் டனவே

(*Akananuru*,23:7-9)

*patavin paavai, munai, matavunadai
annal iralai amarpinai talee
tanaral parugi taalntupad danave*

- *rusa jantan yang kenyang
baring bersebelahan pasangan*

Menurut pujangga *Orhodokattu* rusa jantan yang makan kenyang tinggal bersama dengan kekasihnya. Rusa jantan baring di atas rusa betina yang merupakan pasangan hidup. Situasi ini membuktikan perasaan kasih sayang antara rusa jantan dan rusa betina.

Manakala pujangga *Madurai Maruthan Ilanaaganaar* memaparkan perasaan kasih sayang rusa-rusa jantan terhadap pasangan mereka seperti berikut:

மறிஆடு மருங்கின் மடப்பினை அருத்திக்
தெள்அறல் தழீஇய வார்மணல் அடைகரை
மெல்கிடு கவுள துஞ்சுறும் காக்கும்
பெருந்தகைக்கு உடைந்த நெஞ்சம் ஏழுறச்

(*Akananuru,34:6-9*)

*mariyaadu marungkin madappinai arutti
telaral talee vaarmanal adaikarai
melkidu kavula tunjupuram kaakkum
peruntakaikku udainta nenjam yemura*

- *sekumpulan rusa yang kehausan
mencari punca air di dataran rumput
terjumpa sumber air, lalu
rusa jantan mendahulukan pasangannya*

Sekumpulan rusa mencari air di dataran rumput. Rusa-rusa ini kehausan dan sedang mencari punca air. Rusa jantan terjumpa punca air lalu mendahulukan pasangannya meminum air yang terdapat dalam kolam berkenaan. Pada masa yang sama rusa jantan menjaga keselamatan pasangan supaya tidak diserang oleh pemangsa. Kedua-dua perbuatan ini menggambarkan perasaan kasih sayang yang wujud antara pasangan rusa.

Manakala, pujangga *Idaikkaadanaar* memaparkan suatu peristiwa yang membuktikan kewujudan kasih sayang antara seekor rusa ibu dan anaknya.

செய்துவிட் டன்ன செந்நில மருங்கிற்
செறித்துற்றுத் தன்ன தெள்ளறல் பருகிச்
சிறுமறி தழீஇய தெறிநடை மடப்பினை
வலந்திரி மருப்பின் அண்ணல் இரலையொடு
அவங்குசினைக் குருந்தின் அல்குநிழல் வதிய

(*Akananuru,304:6-10*)

*seituvi danna sennila marungkir
serittunirut tanna tellaral parugi
sirumari taleeya terinadai madappinai
valantiri maruppin annal iralaisyodu
alangusinai kuruntin algunilal vatiya*

- *pada musim hujan kolam dipenuhi dengan air keroh yang tidak boleh diminum di suatu kolam terjumpa sedikit air jernih, maka rusa betina mendahulukan anaknya minum air jernih*

Pada musim hujan hampir semua kolam dipenuhi dengan air keroh (*sennila marungkir*). Seekor rusa yang dahaga mencari air jernih untuk diminum. Tetapi ia tidak dapat menemui air jernih. Walau bagaimanapun terdapat sedikit air jernih di suatu kolam. Rusa betina berkongsi sedikit air jernih itu bersama dengan anak. Ini melambangkan kesayangan ibu rusa terhadap anaknya.

Rusa merupakan binatang yang hidup dalam kumpulan secara berpasangan. Haiwan ini terikat dengan perasaan kasih sayang. Pujangga *Kudavaayil Keerattanaar* menggambarkan suatu peristiwa yang membuktikan perasaan kasih sayang pasangan rusa.

.....புல் மறந்து
அலங்கல் வான்கழை உதிர்நெல் நோக்கிக்
கலைபிணை விளிக்கும் கானத்து ஆங்கண்

(*Akananuru, 129:3-5*)

..... *pul marantu
alagal vaankalai utirnel nokki
kalaipinai vilikkum kaanattu aangan*

- *rusa yang lapar mencari makanan terjumpa bijian segar, tetapi ia tidak mempunyai selera untuk makan lalu, rusa jantan memanggil pasangan untuk makan bijian itu*

Rusa yang kelaparan sedang mencari makanan dan di suatu tempat, ia terjumpa bijian segar. Tetapi, rusa ini tidak mempunyai selera makan (*pul marantu alagal vaankalai*)

mengenangkan pasangan. Rusa jantan ini memanggil pasangan (*kalaipinai vilikkum*) untuk memakan bijian (*utirnel*) yang bertaburan di sekitar hutan buluh. Perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan rusa ditonjolkan melalui puisi ini.

3.3.3.8 *Paruntu* (Burung Helang)

Burung helang ataupun burung Lang dikenali sebagai *paruntu* dalam kalangan masyarakat Tamil. Burung ini mempunyai sayap dan tubuh yang diselubungi bulu pelepah. Burung ini merupakan burung pemangsa yang mempunyai daya penglihatan yang amat jelas. Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa peristiwa yang melambangkan perasaan kasih sayang burung helang.

Seekor burung helang menjaga anak yang baru menetas. Sarangnya terletak di dalam sebuah gua yang selamat.

பருந்து இளைப்பூடும் பாறுதலை ஓமை

(*Akananuru,21:15*)

paruntu ilaippadoom paarutalai omai

- *burung helang yang mengawal anak*

Burung helang dianggap sebagai burung pemangsa yang handal dan memiliki kemahiran memburu yang luar biasa. Ia tidak mempunyai perasaan prihatin terhadap mangsanya. Walaupun begitu, pemangsa ini juga mempunyai perasaan kasih sayang sehingga ia sudi menjaga dan membesarkan anaknya. Perlakuan mengawal dan mencari makanan kepada anak diperincikan melalui rangkai kata *paruntu ilaippadoom*.

Pujangga *Maamoolanaar* menggambarkan perbuatan prihatin seekor burung helang terhadap anak-anaknya di tanah *Paalai*.

இலைஇல ஓங்கிய நிலைஉயர் யாஅத்து
மேற்கவட்டு இருந்த பார்ப்பினங் கட்டுக்
கல்லுடைக் குறும்பின் வயவர் வில்இட
நிணவரிக் குறைந்த நிறத்த அத்தொறும்
கணவிர மாலை அமுஉக் கழிந்தன்ன
புண்உமிழ் குருதி பரிப்பக் கிடந்தோர்
கண் உமிழ் கழுகின் கானம் நீந்தி

(Akananuru,31:5-11)

*ilai ila ongiya nilai uyar attu
merkavaddu irunta paarppinang kadgu
kalludai kurumbin vayavar villida
ninavari kurainta niratta alartorum
kanavira maalai amoo kalintanna
pun umil kuruti parippa kidantor
kan umil kalukin kaanam neenti*

- *burung helang membina sarang dengan menggunakan kayu-kayu kecil dan dedaun pada pokok 'yaa' yang tinggi dan tidak berdaun ia sentiasa memerhatikan keselamatan anak-anak, dan membesarkan anak-anak, serta mencari makanan daging, lalu menyuapkannya kepada anak-anak*

Seekor burung helang membina sarang pada pokok 'yaa' yang sangat tinggi dan tidak berdaun (*ilai ila ongiya nilai uyar attu*). Burung ini menjaga dan membesarkan anak-anaknya dengan baik. Ia mencari makanan daging lalu menyuapkan kepada anak-anak. Perbuatan ini melambangkan perasaan kasih sayang yang dimiliki oleh burung helang. Burung helang dianggap sebagai pemangsa yang tidak berprihatin. Walaupun begitu, ia tetap mempunyai perasaan kasih sayang sepertimana kehidupan yang lain. Peristiwa ini membuktikan perasaan kasih sayang yang wujud dalam kalangan burung helang.

3.3.3.9 Naai (Anjing)

Anjing merupakan haiwan mamalia kanin dalam susunan karnivora. Anjing ialah haiwan jenis menyalak. Terdapat anjing peliharaan dan juga anjing liar seperti serigala dan rubah. Anjing merupakan haiwan jenis sosial dan pemburu berkelompok. Haiwan ini mudah dilatih, suka bermain dan berkeupayaan menyesuaikan diri dengan tempat tinggal.

Anjing memenuhi pelbagai kehendak manusia seperti mengawal dan memburu. Anjing mempunyai kemahiran semulajadi seperti menghidu dan memburu. Peranan yang paling penting adalah sebagai teman manusia. Anjing hidup bersama manusia dalam banyak situasi sehinggakan ketaatannya mendapat gelaran ‘teman terbaik manusia’.

Masyarakat Tamil menyayangi dan menghormati anjing kerana jasanya terhadap masyarakat manusia. Kasih sayang seekor anjing dipaparkan dalam antologi *Akananuru*.

மென்புனிற்று அம்பிணவு பசித்தெனப், பைங்கட்
செந்நாய் ஏற்றை கேழல் தாக்க
இரியற் பிணவல் தீண்டலில், பரீஇச்
செங்காய் உதிர்த்து பைங்குலை ஈந்தின்

(*Akananuru*,21:17-20)

*menpunidru ampinavu pasittena, paingkad
sennaai yedrai kelal taakka
iriyar pinaval teendalil, paree
senggaai utirnta paingkulai eentin*

- *anjing betina yang melahirkan anak
tidak dapat bergerak dan kelaparan, maka
pasangannya mencari makanan
untuk anjing betina ini*

Seekor anjing betina yang baru melahirkan anak, sengsara disebabkan oleh kelaparan. Ia tidak dapat bergerak pantas lalu mencari makanan. Pasangannya sedar tentang keadaan anjing betina. Anjing jantan memburu seekor babi hutan dan bawa kepangkuan pasangannya. Peristiwa ini menggambarkan perasaan kasih sayang yang dimiliki oleh anjing hutan.

3.3 Kesimpulan

Masyarakat Tamil zaman *cangam* amat mementingkan nilai-nilai kemanusiaan seperti perasaan kasih sayang dan perikemanusiaan. Mereka membina kehidupan serta mengamalkan perlakuan harian berdasarkan kepada nilai-nilai seperti ini. Perasaan kasih

sayang yang wujud dalam sanubarinya menjadi asas kepada nilai kemanusiaan. Kasih sayang sesama manusia, kasih sayang terhadap alam fauna dan flora serta alam sekitar merupakan inti kehidupan mereka. Mereka mencintai kehidupan di dunia ini, sepertimana mencintai dirinya sendiri. Ia merupakan kenikmatan hidup yang tidak dapat dinilai dengan alatan pengukur.

Ini adalah selaras dengan teori *Tholkaapiyam* yang membincangkan kegembiraan dan keselesaan yang diinginkan oleh manusia terletak pada dirinya sendiri. Menurut teori ini, segala kehendak itu terletak pada usaha dan kerelaan hatinya.

எல்லா வயிர்க்கும் இன்பம் என்பது
தானமர்ந்து வருஉம் மேவற்று ஆ

(*Tholkappiyam, Poruliyal, 27*)

*yellah uyirkkum inbam yenpatu
taanamarntu varoom mehvadru aagum*

- *kegembiraan wujud bila wujudnya keinginan*

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mencorakkan kehidupannya dengan mengamalkan pelbagai aktiviti yang berintikan kasih sayang. Perhubungan erat sesama ahli keluarga perlu ada dalam membentuk keluarga bahagia. Perasaan kasih sayang yang dimiliki oleh ibu-bapa, anak, teman dan masyarakat kampung menjamin kehidupan yang mesra.

Perhubungan dalam kalangan haiwan turut dipengaruhi oleh perasaan kasih sayang. Menjaga keselamatan anak-anak, mencari dan menyuap makanan kepada anak-anak dan mendahulukan kepentingan pasangan hidup merupakan unsur-unsur kasih sayang yang terdapat dalam kalangan haiwan. Para pujangga Tamil zaman *cangam* berjaya menggambarkan pelbagai unsur dan maklumat yang berkaitan dengan perasaan kasih sayang. Kasih sayang dalam kalangan manusia, kasih sayang dalam dunia fauna dan flora serta kasih sayang terhadap alam sekitar berjaya dikemukakan dalam hasil nukilan mereka.

